



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3397]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kewangan [Ruangan 3442]

Rang Undang-Undang Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah)
[Ruangan 3473]

Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif [Ruangan 3484]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM — DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, P.S.M., S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik)
- ” LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N., (Dilantik)
- ” TOH MUDA DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik)
- ” TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- ” DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak)
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik)
- ” TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- ” DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang)
- ” PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik)
- ” PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM @ HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik)
- ” TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik)
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan)
- ” TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang)

- Yang Berhormat TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)
- ” DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah)
- ” PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik)
- ” DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik)
- ” TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan)
- ” TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sabah)
- ” DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)
- ” TUAN KUAN PENG SOON @ KUAN PENG CHING (Perak)
- ” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS, P.B.S. (Dilantik)
- ” TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik)
- ” CIK LIM SEAN LEAN @ LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik)
- ” DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang)
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)
- ” DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan)
- ” TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF @ YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan)
- ” TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka)
- ” PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka)
- ” TUAN NYANAPANDITHAN (Selangor)
- ” TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik)
- ” DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN ROKIAH @ MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik)
- ” TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik)
- ” TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)
- ” TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik)
- ” TUAN WONG YAU KET (Sabah)
- ” DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap

Penyunting: P.B. Menon

Penyunting: Haji Osman bin Sidik

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin

Amran bin Ahmad

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Juliah binti Awam

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Hajjah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Jumaat, 14hb Disember, 1984.

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang.

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**BELIA — PEMBEKUAN PROJEK
PERLADANGAN**

1. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dengan pembekuan Projek Belia Peladang yang masih berterusan untuk 1985, telah memberi kesan negatif terhadap kemajuan dan kegiatan pergerakan belia sekarang; jika sedar, sama ada Kementerian akan mengkaji untuk menyambung semula bantuan projek ini bagi memupuk ke arah pembangunan ekonomi dan sosial belia-belia luar bandar.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, Kementerian ini menyedari bahawa pembekuan rancangan belia peladang telah serba sedikit menjejaskan pembangunan ekonomi dan sosial para belia terutamanya belia-belia luar bandar.

Kementerian ini sentiasa mengambil berat dan berusaha untuk meneruskan lagi rancangan ini di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Walaupun rancangan ini dibekukan sekarang, Kementerian sedang menjalankan kajian penilaian bersama-

sama dengan Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk mengenalpasti prestasi dan kelemahan-kelemahan rancangan tersebut. Penemuan kajian tersebut akan digunakan untuk memperbaiki lagi Rancangan Belia Peladang.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat dalam usaha untuk membolehkan projek ini, saya ingin bertanya berapakah peruntukan kalau hendak dijalankan bagi tahun hadapan? Adakah benda ini telah dikaji?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sejumlah \$15 juta telahpun dipohon untuk Rancangan Belia Peladang ini bagi Rancangan Malaysia Kelima.

Juga bagi pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, walaupun penekanan akan diberi kepada projek-projek ekonomik dan penggunaan teknologi baru, tetapi mungkin bantuan secara langsung tidak akan diamalkan dan akan digantikan dengan bantuan secara pinjaman

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Sebentar tadi Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa adanya kajian untuk menilai semula Projek Belia Peladang. Saya ingin bertanya sama ada dalam kajian tersebut ianya akan mengambilkira tentang betapa pentingnya kombinasi buruh, modal dan juga tanah untuk memastikan bahawa Projek Belia Peladang menjadi satu projek yang mempunyai jangka masa panjang. Soal tanah merupakan

soal yang paling penting terutama sekali dalam keadaan di mana pembahagian tanah untuk usaha pertanian adalah tidak seimbang, maka yang pentingnya bukan memberi subsidi untuk menjayakan projek ini bahkan untuk memastikan bahawa beliau itu mempunyai tanah untuk mengerjakannya. Oleh itu saya ingin tahu sama ada kajian itu mengambil tahu mengenai perkara tersebut? Terima kasih.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya percaya perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dikaji, mungkin sedang dikaji oleh Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Dan seperti mana kita semua sedia maklum, memanglah menjadi matlamat Kerajaan agar sebarang projek yang diperkenalkan oleh Kerajaan akan mendapat kejayaan yang sepenuhnya.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Puan Hasanah bin Haji Mohd. Kassim.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 2.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE PAPUA NEW GUINEA DLL.

2. Tuan Fadzil bin Mahmood (di bawah S.O. (23) 2) minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke Papua New Guinea, Australia dan New Zealand pada awal Ogos, 1984 baru-baru ini.

20.12.84.

30. Puan Rokiah binti Zainuddin: minta Perdana Menteri menyatakan hasil Perjanjian kerjasama Teknikal dengan negara Papua New Guinea dalam rangka lawatan Perdana Menteri ke negara itu pada 6hb - 8hb Ogos, 1984.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, saya mohon memaklumkan bahawa jawapan mengenai lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Australia telah diberi semasa saya menjawab soalan-soalan dari Yang Berhormat Senator Mohd. Yusoff bin Kassim pada 4hb Disember dan Yang Berhormat Senator Jaafar bin Harun pada 10hb Disember, 1984. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

Mengenai lawatan ke Papua New Guinea dan New Zealand pula saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan dari Yang Berhormat Senator Puan Rokiah binti Zainuddin pada 20hb Disember, 1984 yang mana soalan itu adalah serupa.

Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Papua New Guinea dan New Zealand pada 6hb sehingga 7hb Ogos yang lalu, pada keseluruhannya merupakan satu lawatan yang berjaya. Di Papua New Guinea Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menghadiri Mesyuarat Keempat Ketua-ketua Kerajaan Kommanwel Serantau. Mesyuarat tersebut membuka peluang kepada beliau berkenalan dengan lebih rapat lagi dan memupuk kemesraan yang lebih mendalam dengan rakan-rakan sejawatnya dari Pasifik Selatan, Asia Tenggara dan Asia Selatan.

Melalui Mesyuarat itu juga Malaysia telah dapat mengenali dan memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara kecil di kepulauan Pasifik seperti masalah-masalah yang berkaitan dengan pembuangan sisa-sisa nuklear di Laut Pasifik. Di sini Malaysia dapat mengutarakan sokongan bagi usaha-usaha membanteras kegiatan tersebut.

Sempena lawatan ke Papua New Guinea, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Teknikal di

antara Malaysia dengan Papua New Guinea pada 7hb Ogos, 1984, dan mengadakan perbincangan-perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Papua New Guinea. Perjanjian ini memperuntukkan berbagai bidang kerjasama teknikal dalam mempertingkatkan faedah-faedah bersama bagi kedua-dua negara.

Kerjasama teknikal di antara Malaysia dengan Papua New Guinea telahpun lama dijalankan sebelum Perjanjian ini ditandatangani sehingga akhir tahun 1983 terdapat sebanyak 67 peserta-peserta dari Papua New Guinea yang menghadiri kursus-kursus latihan seperti di INTAN dan Pusat Daya Pengeluaran Negara serta mengadakan lawatan sambil belajar seperti di FELDA, FELCRA, Unit Perancangan Ekonomi, UDA dan Pusat Penyelidikan Getah di dalam bidang-bidang yang berkenaan. Dengan adanya perjanjian kerjasama teknikal di antara Malaysia dengan Papua New Guinea yang ditandatangani baru-baru ini maka kerjasama di antara kedua-dua negara sekarang akan dilaksanakan secara rasmi.

Susulan dari lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu pihak Papua New Guinea telah menghantar ke Malaysia 5 orang pegawainya untuk menyertai kursus-kursus yang berkenaan di Pusat Latihan Telekom, INTAN, Bank Negara dan Arkib Negara yang telah dianjurkan oleh Program Kerjasama Teknik Malaysia.

Dengan terlaksananya Perjanjian Kerjasama Teknik dengan Papua New Guinea adalah diharapkan agar ianya dapat mempertingkatkan lagi kerjasama di bidang ekonomi dan teknik serta memperkokohkan hubungan yang telah sedia mesra dan erat terjalin di antara kedua-dua negara. Ianya juga membayangkan hasrat negara kita untuk menjayakan kerjasama Selatan Selatan. Kita juga turut menjadi saksi kepada upacara menandatangani

perjanjian usaha bersama di antara wakil Malaysian Overseas Investment Corporation atau nama ringkasnya MOIC dengan Perdana Menteri Fiji untuk membina sebuah hotel dan pusat persidangan di Fiji. Manakala lawatan ke New Zealand setelah selesai menghadiri mesyuarat ke 4 Ketua-ketua Kerajaan Komanwel serantau itu adalah satu lawatan yang telah memberikan peluang kepada kita untuk mengadakan perbincangan yang membina, berfaedah dan menyelesaikan beberapa kebuntuan dari segi hubungan dua hala. Dari lawatan tersebut juga perbincangan-perbincangan di antara kedua-dua belah pihak telah mewujudkan persefahaman di antara Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri David Lange dari New Zealand. Persefahaman juga dicapai dari segi peribadi, pendekatan serta persepsi terhadap masalah-masalah dan isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Selain dari mengeratkan hubungan dengan negara-negara tersebut lawatan itu juga memberi peluang kepada Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri yang turut menyertai rombongan tersebut mewujudkan rapport dengan rakan-rakan sejawat mereka di negara tersebut serta membincangkan hubungan kerjasama dua hala di dalam bidang-bidang tertentu.

Usahawan-usahawan dan ahli-ahli perniagaan yang turut di dalam rombongan di sana juga telah berpeluang untuk memperluaskan pertalian perniagaan dan hubungan perdagangan sektor swasta di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Saya ingin bertanya berhubung dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Papua New Guinea oleh kerana kita di dalam ASEAN ini 5 negara telahpun bersatu, tidakkah ada di dalam perbincangan itu

dibincangkan supaya Papua New Guinea memasuki gugusan ASEAN.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia tahu bahawa Papua New Guinea memanglah sedikit sebanyak dari segi ilmu alamnya dalam keadaan delima kerana sungguhpun dari segi peta kasar kita nampak Papua New Guinea memanglah terangkum dalam kawasan Tenggara Asia tetapi dari segi hubungan ethnics, kebudayaan dan sebagainya ia lebih merupakan sebuah negara Malaynesian ataupun lebih ada persefahaman dengan negara-negara di Pasifik Selatan. Oleh sebab itulah beliau sudah di awal-awal lagi menjadi ahli Pacific Forum. Namun demikian, oleh sebab keadaan yang khas ini ASEAN telah pun memberi observer's status kepada Papua New Guinea dan tiap-tiap tahun apabila ASEAN mengadakan Persidangan Menteri-menteri Luarnya Papua New Guinea juga dijemput turut hadir sebagai observer.

Masalah sama ada Papua New Guinea patut atau tidak menjadi ahli ASEAN tidak timbul oleh sebab Papua New Guinea setakat ini belum lagi membuat permohonan rasmi.

KONSEP SEKOLAH INSTITUSI MASYARAKAT

3. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Pelajaran menyatakan apa yang dikatakan dengan Konsep Sekolah Institusi Masyarakat dan bila persatuan ini ditubuhkan dan nyatakan peranan yang dimaikkannya bagi kepentingan pelajaran Ibubapa dan Guru-guru.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat konsep sekolah sebagai institusi masyarakat secara umum memberi erti penglibatan masyarakat, guru-guru dan pelajar-pelajar melalui PIBG dalam pembangunan dan kemajuan sistem pelajaran.

Mereka perlu merasai bahawa sekolah itu kepunyaan mereka dan mempunyai perasaan tanggungjawab bersama terhadap kejayaan sekolah mereka.

PEGAWAI KERANI PELAJARAN — PENGAMBILAN

4. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa berlaku kelewatan dalam pengambilan pegawai kerani Pelajaran kumpulan "C" setiap kali berlaku kekosongan yang mana menimbulkan kerumitan kepada sekolah-sekolah.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pengisian kekosongan jawatan Pegawai Kerani Pelajaran kumpulan "C" tidak menimbulkan sebarang masalah sebelum tahun 1982 kerana pada setiap tahun pengambilan pegawai kerani dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran untuk mengisi kekosongan jawatan yang wujud. Bagaimanapun, atas sebab langkah jimat-cermat Kerajaan seperti Yang Berhormat sedia maklum pengambilan Pegawai Kerani Pelajaran tidak diteruskan bagi tahun 1983 dan 1984 kecuali untuk mengisi jawatan-jawatan di maktab perguruan, politeknik dan sekolah-sekolah yang baru dibuka sahaja. Namun demikian, kekosongan jawatan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu akan diisi pada awal tahun 1985 ini, insya Allah.

Untuk maksud ini urusan temuduga sedang dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

BANTUAN DAN SUBSIDI KEPADA PETANI/NELAYAN

5. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bantuan dan subsidi diberikan kepada petani dan nelayan kita bagi tujuan meninggikan taraf hidup ekonomi mereka dan menambah hasil pengeluaran negara adalah tidak berkesan dan sama

ada pemberian bantuan dan subsidi itu akan diteruskan juga.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak tepat menyatakan bahawa bantuan dan subsidi yang diberikan kepada petani dan nelayan tidak langsung memberi manfaat, malahan pemberian tersebut telah dapat membantu menambah hasil pengeluaran dan seterusnya pendapatan mereka.

Di bawah Dasar Pertanian Negara pemberian subsidi akan dilakukan secara terpilih kepada tanaman yang tertentu sahaja. Umpamanya, baja padi sebagai komoditi strategik negara pemberian subsidi baja dan subsidi harga akan diteruskan. Di samping itu, bagi membantu petani-petani ke arah meningkatkan pendapatan dan pengeluaran mereka, khidmat-khidmat sokongan yang meliputi pemasaran, penyelidikan, pengembangan, kemudahan-kemudahan kredit dan lain-lain galakan pertanian akan terus dipertingkat dan diperkemaskan sejajar dengan matlamat Dasar Pertanian Negara.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya subsidi dan bantuan diberi kepada petani dan nelayan sepanjang masa jika dibandingkan pendapatan antara petani dan nelayan dengan lain-lain usaha ataupun pekerjaan, pendapatan petani dan nelayan ini masih rendah tarafnya daripada jawatan-jawatan ataupun pekerjaan-pekerjaan yang lain.

Oleh sebab itu saya rasa bantuan yang diberi seberapa lama ini menghabiskan wang berjuta-juta ringgit tidak memberi faedah dan juga tidak meningkatkan hasil pendapatan mereka, saya rasa patutlah subsidi dan bantuan ini difikirkan semula supaya menjaga hasil negara jangan dibelanjakan dengan sia-sia sahaja.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan dan pihak

Kementerian Pertanian sedar bahawa masalah yang menumpu pihak para petani dan para nelayan ini adalah masalah yang serius dan juga kita sedar kita telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memberi subsidi kepada para petani dan para nelayan dan juga usaha-usaha daripada pihak Kerajaan kita sentiasa memberi bimbingan kepada kedua-dua puak ini dan mengikut apa yang kita kajikan daripada wang ringgit yang telah ditaburkan untuk meningkatkan taraf hidup para petani dan para nelayan ini ada memberi manfaat dan kesan yang begitu baik telah pun dialami oleh kedua-dua pihak ini. Jadi, dalam pendapat pihak Kerajaan sekarang sedang lagi mencari daya usaha supaya memberi bantuan sebagaimana yang telah pun saya terangkan tadi untuk meninggikan taraf hidup para petani dan para nelayan.

Soal yang telah pun dibangkitkan oleh pihak Ahli Yang Berhormat tadi oleh kerana ini satu perkara yang membina pihak Kementerian Pertanian mesti memberi pertimbangan yang berat untuk meneliti keadaan sebagaimana yang telah pun disyorkan oleh pihak Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat menyatakan masalah ini ialah masalah serius kepada petani dan juga nelayan. Di sini saya ingin bertanya, tidak adakah rancangan Kerajaan, oleh kerana memandangkan masa musim tengkujuh, masa hujan nelayan-nelayan akan tidak dapat ke laut mencari rezeki. Mereka ini terpaksa tidak ada duit dan sebagainya. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mencari jalan supaya memberi subsidi cara duit kepada mereka ini sementara masalah keadaan masa atau hari yang baik, selepas itu hasil pendapatan dipotong semula ataupun sebagainya. Adakah rancangan Kerajaan, memandangkan keadaan mereka ini terlampau susah dan daif apabila kita lihat keadaan ini berlaku setiap tahun?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, pada setakat ini pihak Kementerian Pertanian belum lagi membuat kajian untuk memberi cash money, dengan izin, kepada para nelayan yang kita bantu ini, tetapi sepanjang tahun yang telah lampau pihak Kementerian saya memberi agak banyak bantuan kepada para nelayan-nelayan kita sehingga kalau saya tidak silap sehingga kini, sejak tahun 1981 hingga 1983 penerima subsidi daripada pihak para nelayan adalah tidak kurang daripada hampir 40,000 orang dan juga ada beberapa para nelayan yang melibatkan diri di dalam ternak air. Sehingga kini saya menerima tidak kurang daripada 5,840 para peserta. Jadi, ini sudah jelas sekali pihak nelayan sudah dibimbing dengan begitu baik jikalau dibandingkan dengan negara-negara jiran, para nelayan di tempat lain tidak dapat menerima bantuan yang sebaik ini. Jadi, sungguhpun begini kita belum lagi puas hati pihak Kerajaan sedang mencari daya usaha bagaimana yang saya jelas tadi supaya memberi bantuan yang lebih lumayan dan lebih sesuai untuk membantu mereka ini.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Soalan tambahan. Selain daripada bantuan subsidi baja dan juga bantuan-bantuan yang lain kepada petani-petani, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa petani-petani tiap-tiap dua atau tiga tahun sekali mendapat satu kerugian yang amat besar iaitu padi-padi yang didapati diserang benar oleh sejenis ulat yang dinamakan, kalau tidak silap saya 'ulat perang', Tuan Yang di-Pertua. Apakah langkah-langkah Menteri yang tersebut supaya penyakit ini dapat dihapuskan, jika tidak, saya berpendapat, apa juga bantuan yang telah diberikan kepada petani-petani itu adalah sia-sia belaka.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pertanian sedar oleh kerana kerap kali kawasan jelang padi telah diserang oleh penyakit yang telah disebut oleh Ahli yang

Berhormat itu. Sekarang pihak Kerajaan telah memberi nasihat kepada para penanam-penanam padi supaya berwaspada terhadap serangan penyakit itu dan sejak nasihat sudahpun diberi kepada pihak para petani, maka yang saya nampak pada masa ini serangan daripada penyakit tersebut sudahpun berkurangan. Jadi, pihak Kementerian Pertanian, lebih-lebih lagi pihak MARDI, sekarang sedang berdaya mencari jalan yang lebih baik lagi untuk mencegah penyakit-penyakit tersebut.

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH V

6. **Tuan D. P. Vijandran** minta Menteri Pelajaran menyatakan gred-gred yang dicapai dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V bagi tiap-tiap perkara oleh murid-murid di sekolah Tamil bagi tahun 1983.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan kepada soalan ini mengandungi butir-butir yang banyak untuk disebut, izinkan saya sampaikan jawapan ini dengan cara bertulis.

RAKYAT MALAYSIA KE LUAR NEGERI

7. **Puan Hajjah Hafsa binti Osman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah rakyat Malaysia yang ke luar Negeri melalui tambak Johor semenjak Kerajaan mengenakan kadar baru cukai ke atas barang-barang yang dibawa masuk ke negara ini; dan
- (b) perbezaannya dengan jumlah sebelum dasar ini diadakan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan yang di-Pertua, jumlah warganegara Malaysia yang keluar melalui tambak Johor untuk melawat negara-negara lain dalam bulan Oktober dan November 1984 ialah 607,429 orang dan 576,827

orang. Oleh kerana dasar Kerajaan yang mengenakan kadar baru cukai ke atas barang-barang yang dibawa masuk ke Malaysia baru sahaja dilaksanakan, adalah didapati bahawa perbezaan jumlah warganegara Malaysia yang pergi ke luar negeri melalui tambak Johor tidak banyak berubah berbanding dengan keadaan sebelum dasar itu dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri dapat mengesan bahawa jumlah warganegara Malaysia yang pergi ke luar negeri melalui tambak Johor dalam bulan November 1984 adalah berkurangan 3,602 orang berbanding dengan jumlah bulan Oktober, 1984.

BURUH MALAYSIA DI SINGAPURA

8. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Buruh menyatakan bilangan buruh yang terpaksa balik ke tanahair akibat pertukaran dasar buruh oleh Kerajaan Singapura.

21. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Buruh menyatakan bilangan buruh Malaysia yang terpaksa pulang ke tanah air akibat daripada dasar buruh Singapura yang tidak membenarkan pekerja-pekerja di sana.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin memberi jawapan yang merangkumi soalan Nombor 21 dari Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee yang sama yang mana adalah hampir sama dengan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya masih sedang berusaha untuk mengesan pekerja-pekerja Malaysia yang telah kembali dari Singapura baru-baru ini. Dan setakat ini tidaklah dapat memberi angka yang tepat mengenai bilangan mereka itu.

Salah satu daripada usaha yang dijalankan itu ialah mengelakkan mereka mendaftar diri di Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat yang terdapat di seluruh negara.

Tujuan pendaftaran itu adalah untuk menempatkan mereka dalam pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan dan pengalaman mereka. Pendapatan mereka dijangka tidak begitu sukar memandangkan kepada kemahiran dan pengalaman yang telah mereka perolehi semasa bekerja di Singapura.

Walau bagaimanapun, adalah diharapkan mereka itu tidak terlalu melebihi pekerjaan. Dalam hal ini adalah diharapkan pihak majikan dapat memberi kerjasama dengan menawarkan kepada mereka pekerjaan dengan kadar gaji dan lain-lain kemudahan yang setaraf dengan pengalaman-pengalaman dan kemahiran mereka.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak mulanya pengembalian pekerja-pekerja itu sehingga 31hb Oktober tahun ini hanya seramai 543 orang telah mendaftar diri di Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat. Daripada jumlah itu seramai 114 orang telahpun ditempatkan dalam pekerjaan dan saya yakin yang lain-lain itu pula akan dapat ditempatkan sebaik sahaja ada pekerjaan yang sesuai.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri masalah pengangguran ini kalau kita biarkan akan menjadi masalah negara. Oleh itu, di sini saya ingin bertanya, tidakkah ada rancangan Kerajaan untuk mengatasi pekerja-pekerja daripada Singapura yang balik ke Malaysia ini oleh kerana kita masih banyak lagi kerja-kerja yang terpaksa umpamanya di FELDA, dan bangunan-bangunan dan sebagainya banyak warganegara asing yang bekerja di sini. Apa salahnya orang-orang ini jika kita tempatkan, digantikan ke tempat-tempat tersebut.

Yang kedua, saya ingin bertanya berapakah daripada 114 orang yang telahpun dapat kerja itu tadi, di syarikat apakah ataupun jenis-jenis apakah

pekerjaan yang mereka dapat ditawarkan.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama Yang Berhormat itu, baharu sebentar tadi dalam jawapan asal saya itu ada saya katakan, kami masih berusaha supaya mereka yang balik dari Singapura itu boleh mendaftarkan diri di Pejabat Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya. Ini adalah satu langkah yang pertama supaya mereka itu boleh kami tetapkan apakah kemahiran mereka itu supaya Kementerian saya boleh mengikuti kemahiran dan pengalaman mereka itu ditempatkan mereka mengikut pekerjaan itu.

Bagi soalan kedua Yang Berhormat itu, saya tidak ada angka yang boleh saya jawab bagi 114 orang itu ditempatkan kerja apakah mereka itu ditempatkan. Apa yang saya tahu pada amnya ialah mengikut kemahiran mereka itu kebanyakannya adalah di kilang-kilang dan tempat-tempat binaan.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, peralihan buruh daripada ataupun negara kepada negara yang lain adalah menjadi kebiasaan sekarang. Ada buruh beralih ke Singapura dan ada buruh datang ke Malaysia. Sekarang buruh kita di Singapura mula balik ke Malaysia. Kita juga menghadapi satu amalan biasa di mana berlakunya peralihan modal daripada satu negara kepada negara yang lain kerana berubahnya struktur ekonomi negara-negara tersebut. Adakah Kementerian Buruh dapat mengesan sejauh manakah perubahan struktur ekonomi Singapura itu juga bermakna bahawa beralihnya industri-industri daripada Singapura ke Malaysia yang menepati dengan kemahiran buruh yang telah beralih dan terpaksa meninggalkan Singapura untuk balik ke negara kita.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa Yang Berhormat katakan itu. Pada masa

sekarang kami memang sudah dapat tahu negara Singapura adalah dalam proses meningkatkan perindustrian di negara itu dan menjadikan high technology, dengan izin, dan kebanyakan perindustrian-perindustrian itu telahpun dipindahkan atau ditukarkan dan ada juga sebilangan itu hendak dipindah atau masuk ke negara kita. Oleh yang demikian, pekerja-pekerja kita di Singapura itu dapatlah pekerjaan bila mana industri-industri itu berada dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

Datuk Khoo Kay Por: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan ke 9.

MENSWASTAKAN SYARIKAT-SYARIKAT

9. Datuk Khoo Kay Por (di bawah S.O. 23(2)) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada:

- (a) pihak Kerajaan akan menswastakan setengah Syarikat-syarikat yang dipunyai oleh Kerajaan negeri; dan
- (b) dasar pengswastaan Kerajaan hanya akan menswastakan banyak projek-projek yang tidak mendatangkan keuntungan atau tidak viable.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pihak Kerajaan bersedia meneliti sebarang cadangan penswastakan, ini termasuklah cadangan-cadangan dari syarikat-syarikat yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri. Terpulanglah kepada pihak Kerajaan nanti untuk membuat keputusannya setelah penelitian tersebut dibuat.
- (b) Dasar penswastakan melibatkan kedua-dua jenis projek, sama ada yang menguntungkan atau yang tidak menguntungkan. Kerajaan percaya ada setengah-

setengah projek yang sekarang menguntungkan boleh ditingkatkan lagi keuntungan jika diuruskan oleh syarikat-syarikat yang cekap dan berkebolehan. Begitu juga syarikat yang sekarang tidak menguntungkan mungkin boleh diurus hingga jadi menguntungkan jika diurus oleh pengurus-pengurus yang lebih cekap dan mempunyai kepakaran tertentu.

BAHASA MALAYSIA DI FIRMA PERDAGANGAN

10. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kedaulatan bahasa rasmi negara ini masih dipandang ringan oleh firma-firma perdagangan dalam negeri ini, jika sedar nyatakan langkah-langkah yang telah dan terus akan diambil untuk memestikan firma-firma berkenaan menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya dalam urusan hariannya.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari bahawa Bahasa Malaysia masih belum digunakan secara meluas dalam peribagai bidang di sektor swasta, khususnya dalam urusan harian di firma-firma perdagangan dalam negeri ini. Kerajaan juga sedar bahawa tidak ada undang-undang yang boleh memaksa atau memastikan firma-firma perdagangan khususnya dan pihak swasta amnya menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya dalam urusan mereka sehari-hari.

Walau bagaimanapun, Kerajaan bercadang hendak mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan melalui agensi-agensinya untuk memastikan Bahasa Malaysia dapat digunakan dengan lebih luas dalam urusan harian di sektor swasta.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Tadi

Yang Berhormat menyatakan tidak ada undang-undang yang memaksa firma-firma ini untuk menggunakan Bahasa Malaysia dalam urusan harian. Oleh itu, tidakkah ada cadangan pihak Kerajaan tiap-tiap firma yang akan wujud di dalam negara kita ini mesti diwajibkan mereka itu menggunakan Bahasa Malaysia dengan syarat-syarat yang lain, kalau mereka itu mahu mengadakan syarikat-syarikat atau firma di sini dengan syarat kalau dia tidak pandai pun, mestilah dia ambil bumiputera ataupun orang yang pandai, fasih dalam Bahasa Malaysia untuk buat surat (correspondence) dengan izin. Oleh kerana sekarang ini kita lihat bahasa ini masih tidak ubah macam masa penjajah dahulu juga lagi, tidak ada perbezaan hanya 'Sendirian Berhad' sahaja di atas, lepas itu 'Dear Sir' dan sebagainya, dengan izin, inilah yang dijalankan. Bila lagi Bahasa Malaysia ini hendak didaulatkan oleh kerana ada kursus, di sana, ada seminar di sini tetapi bahasa ini masih bermaharajalela.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Langkah-langkah yang agak efektif sedang dijalankan apatah lagi dengan adanya Persidangan Kongres Bahasa Malaysia baharu-baharu ini beberapa keputusan yang positif telah diambil dan akan dijalankan. Langkah-langkah yang telah diambil dan sedang pun dijalankan pada masa ini iaitu yang pertama, menggalakkan firma-firma perdagangan menggunakan Bahasa Malaysia di mana-mana surat Kerajaan yang dihantar kepada mereka adalah di dalam Bahasa Malaysia walaupun mulanya firma-firma ini menghubungi jabatan-jabatan Kerajaan dengan menggunakan lain-lain bahasa.

Yang kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka memberikan khidmat nasihat kepada firma-firma perdagangan yang memerlukan bantuan mengenai penggunaan Bahasa Malaysia. Jadi, Yang Berhormat bolehlah beri tahu firma-firma yang masih menggunakan Bahasa Inggeris itu.

Yang ketiga, mengadakan talian telefon hot line pun ada digunakan mengenai penggunaan istilah dalam Bahasa Malaysia kalau dia tidak tahu apa istilah yang hendak digunakan.

Keempat, memberikan panduan-panduan menulis surat dalam Bahasa Malaysia kepada firma-firma perdagangan.

Kelima mengadakan pengajaran Bahasa Malaysia di media masa seperti di TV Program "Bahasa Kita".

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kerajaan menerima semua keputusan-keputusan dan rumusan-rumusan yang dihasilkan di dalam Kongres Bahasa mengenai dengan penglibatan dan penggunaan bahasa dan mendaulatkan Bahasa Malaysia di negara kita.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat dan kita semua baca keterangan dalam akhbar bahawa Menteri Pelajaran bersetuju Akta Bahasa Kebangsaan itu dikaji semula dan diperbaiki manamana kelemahan yang didapati.

KERAHAN TENAGA BELIA TANI

11. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak mengadakan Kerahan Tenaga Belia Tani untuk mengatasi kekurangan tenaga petani di sektor ladang dan pertanian; jika ada nyatakan bila rancangan ini hendak dilaksanakan oleh Kerajaan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, setakat yang saya tahu Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengadakan Kerahan Tenaga Belia Tani untuk mengatasi kekurangan tenaga petani di sektor ladang dan pertanian buat sementara waktu.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tidak ada rancangan Kerahan Tenaga Belia Tani, saya ingin bertanya oleh kerana tanah-tanah sebagaimana yang selalu diulangi di dalam Dewan ini banyak yang terbiar tanah-tanah sawah, tanah-tanah ladang dan seterusnya tidak digunakan, tidakkah ada pihak Kerajaan bercadang untuk mempelbagaikan dan memperkemaskinikan tenaga moden sebagaimana negara-negara maju dengan adanya traktor dan sebagainya supaya menarik belia-belia tani untuk mengerjakan kerja-kerja ini sebagaimana sekarang yang mana kerja-kerja tani ini nampaknya begitu tidak diendahkan oleh belia-belia pada masa sekarang ini. Itu yang saya ingin bertanya, tidakkah ada rancangan ini di masa yang akan datang bagi membawa belia-belia kita ini supaya ia berusaha, bertani, bertanam dan seterusnya.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya telah jawabkan tadi, setakat ini saya difahamkan bahawa Kerajaan tidak ada cadangan. Walau bagaimana, saya juga difahamkan bahawa Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedang mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan satu Briged Belia Pertanian dan ini adalah dalam perangkaan cadangan buat sementara waktu oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dengan kerjasama Kementerian Pertanian. Saya berharap Yang Berhormat bolehlah bersabar kerana Kerajaan memanglah memandang serius tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang Dipertua, yang sebenarnya kegigihan belia-belia kita di dalam bidang pertanian ini contohnya telah ada, tidak sepatutnya kita melambatkan dengan membuat kajian demi kajian. Di Johor telah ada Rancangan

Tanah Belia yang berjaya, di Selangor ada Rancangan Tanah Belia Bukit Changgang di mana belia-belia yang bertani telah mendapat hasil sehingga \$2,000 sebulan. Jadi tidak sepatutnya kita hendak menggalakkan belia-belia bertani ini terus dibuat kajian demi kajian sedangkan contohnya telah ada.

Apa yang saya harapkan sekarang ini ialah daripada belia-belia kita terus hidup dengan tidak tentu arah, menganggur di sana, menganggur di sini, sedangkan kemasukan belia-belia daripada luar negara pula begitu hebat datangnya, maka sepatutnya gerakan Kerahan Tenaga Belia Tani ini bukanlah macam kita membuat Kerahan Tenaga Rakyat, maknanya dikerahkan tenaga belia-belia untuk bertani. Adakah Kementerian bersetuju dengan cara itu?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, memanglah diketahui umum bahawa berbagai rancangan belia yang telah dilancarkan oleh Kementerian berjaya, tetapi soalan yang ditanya oleh yang Berhormat Tuan Ahmad bin Othman adakah Kerajaan bercadang untuk mengerahkan Tenaga Belia Tani keseluruhannya. Jadi jawapan saya yang saya difahamkan bahawa buat sekarang ini tidak ada cadangan Kerajaan untuk mengerahkan. Walau bagaimanapun rancangan-rancangan yang melibatkan kaum belia masih berjalan bukan sahaja oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bahkan sebagaimana yang saya sebutkan tadi ada juga rancangan yang akan dijalankan oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan juga mungkin Kementerian-kementerian yang lain.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Alexander Y.L. Lee.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, pertanyaan No. 12.

BILANGAN LESEN TEKSI DI WILAYAH PERSEKUTUAN

12. **Tuan K. Kumaran** (*di bawah S.O. 23(2) minta Menteri Perusahaan Awam* menyatakan bilangan lesen-lesen teksi bagi Wilayah Persekutuan yang dikeluarkan kepada bumiputera, rakyat keturunan Cina dan India dan sama ada pengeluaran lesen-lesen teksi telah dibekukan di Wilayah Persekutuan.

Datuk Dr. Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, bilangan lesen-lesen teksi di Wilayah Persekutuan yang dikeluarkan kepada kaum bumiputera, kaum Cina dan India sehingga September 1984 adalah seperti berikut:—

<i>Kaum</i>	<i>Bilangan Lesen</i>
Bumiputera —	3,737
Cina —	1,598
India —	586
Lain-lain —	439
Jumlah:	<u>6,360</u>

Tuan Yang di-Pertua, jumlah ini adalah pertambahan sebanyak 2,318 daripada jumlah 4,042 dalam tahun 1979.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pengeluaran lesen teksi di Wilayah Persekutuan adalah dibekukan kerana Kementerian Perusahaan Awam mendapati jumlah lesen yang telah dikeluarkan itu adalah mencukupi dari segi keperluan. Walau bagaimanapun, pihak Lembaga serta Kementerian sentiasa mengkaji kedudukan keperluan teksi dari semasa ke semasa untuk menentukan masa apabila pengeluaran lesen boleh dibuat semula.

PETRONAS — CARIGALI MINYAK

13. **Dato' G. Pasamanickam** minta Perdana Menteri menyatakan lama masa minyak boleh dihasilkan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan jumlah tong yang dikeluarkan dalam sehari.

21.12.1984

26. Tuan K. Kumaran minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebabnya PETRONAS menambahkan pengeluaran minyaknya beberapa ribu barrel baru-baru ini dan sama ada penambahan pengeluaran ini akan menghabiskan minyak lebih awal lagi di negara ini dan nyatakan juga sama ada PETRONAS CARIGALI menjumpai telaga minyak baru-baru ini dan apakah tindakan yang diambil oleh PETRONAS untuk mendapat telaga minyak baru di persekitaran Malaysia.

Datuk Dr. James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersama dengan soalan No. 26, hari Jumaat 21hb Disember, 1984 daripada Yang Berhormat Senator K. Kumaran kerana maksudnya adalah hampir sama dengan soalan ini.

Sehingga 1hb Januari, 1984 jumlah simpanan minyak mentah yang dapat dikeluarkan dari kesemua 14 buah lapangan minyak yang terdapat di luar Pantai Timur Semenanjung Malaysia ialah 1,731 juta tong. Dengan kadar pengeluaran sekarang yang berjumlah 210,000 tong sehari, iaitu dari Pantai Timur sahaja, simpanan minyak mentah di kawasan tersebut akan tahan selama 23 tahun lagi.

Untuk menjawab soalan Senator K. Kumaran, penambahan pengeluaran minyak mentah dalam tahun-tahun yang kebelakangan ini adalah dipandang perlu untuk memperbaiki keadaan ekonomi, kewangan dan imbang bayaran negara. Walau bagaimanapun, penambahan pengeluaran ini tidak akan melibatkan simpanan minyak mentah kita kehabisan lebih awal lagi.

Walaupun pengeluaran minyak mentah kita bertambah, jumlah simpanan juga telah meningkat dari 2,600 million tong dalam tahun 1983 kepada 2,900 million tong di dalam tahun 1984. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh kerana penemuan lapangan-lapangan minyak yang baru. Dengan penemuan lapangan minyak Malong dalam bulan

September tahun lepas, PETRONAS CARIGALI setakat ini telah menjumpai 5 buah lapangan minyak. Yang lain, selain daripada Malong, ialah Resak, Meranti, Bernang dan Dulang.

Dalam usaha-usaha mencarigali, PETRONAS pada tahun lepas telah memperolehi 2,376 garis kilometer data seismic di Selat Melaka. PETRONAS juga merancang untuk mempertingkatkan lagi usaha mencarigali di perairan negara kita dan untuk mencapai objektif tersebut, PETRONAS sekarang ini dalam peringkat akhir menyediakan dan mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah PETRONAS bagi syarat-syarat baru Perjanjian Perkongsian Pengeluaran (Production Sharing Contract) yang mana akan menjadi lebih menarik kepada syarikat-syarikat minyak yang akan cuba mencari-gali minyak di negara kita.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri sedar sejak penemuan-penemuan telaga-telaga minyak oleh PETRONAS di perairan Semenanjung Malaysia yang mana PETRONAS telahpun mengurangkan mencarigali minyak di Sabah dan Sarawak.

Tuan yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berapa banyakkah telaga-telaga minyak yang ada di antara Sabah dan Sarawak pada masa sekarang yang tetap mengeluarkan minyak seperti yang sudah-sudah, tidak bertambah. Kenapa PETRONAS menghadkan pengeluaran minyak bagi Sabah dan Sarawak?

Soalan saya yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, adakah dari Sabah dan Sarawak yang menduduki di dalam Lembaga Pengarah PETRONAS?

Datuk Dr. James P. Ongkili: Tuan yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama itu, ini adalah tidak betul bahawa PETRONAS telah mengurangkan

usaha carigali di Sabah mahupun Sarawak. Dalam dasar PETRONAS menemui dan mencarigali minyak dan juga gas di negara kita, PETRONAS memandang usaha itu sebagai satu usaha negara keseluruhannya di mana sahaja kita dapat menemui minyak petroleum ataupun gas. Kalaupun kenampakan terlambat sedikit, pencarigalian ataupun penemuan ataupun pengeluaran minyak di Sarawak dan Sabah ini adalah kerana semata-mata mengutamakan di mana perusahaan pengeluaran minyak itu telah lebih dahulu dijalankan.

Perlu juga dikatakan infrastruktur untuk mencarigali dan mengeluarkan minyak atau gas itu adalah sangat mahal untuk mendirikan, pelantar-pelantar, misalnya. Satu pelantar didirikan berharga beratus-ratus juta ringgit. Jadi tidak sebenarnya disengajakan untuk mengurangkan mencarigali di Sabah dan Sarawak. Pada hemat saya lebih lama dikeluarkan di situ lebih banyak rizab simpanan untuk Sabah. Jadi kenapa pula kita mahu terburu-buru, manalah tahu di masa hadapan pembahagian minyak bagi negeri yang 5% itu dapat dipertimbangkan, jadi dapatlah lebih sedikit, tetapi ini saya cuma mengatakan sahaja. Negeri-negeri telah merayu supaya pembahagian 5% daripada pengeluaran minyak mentah sebagai royalti diberikan kepada negeri-negeri yang mengeluarkan minyak seperti Terengganu, Sarawak dan Sabah pada masa ini. Bersabarlah, tiada pilih kasih sebenarnya.

Kedua, berapakah telaga yang mengeluarkan minyak di Sabah dan Sarawak. Ini adalah soalan yang tersendiri dan lain daripada ini, dan kalau mahu minta berapa, saya boleh berikan jawapan secara bertulis.

Di dalam Lembaga Pengarah PETRONAS, pada masa itu terdapat wakil daripada Kerajaan Negeri Sabah. Kebiasaannya Setiausaha Kerajaan Negeri dan demikian juga dengan Sarawak.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Sebentar tadi Yang Berhormat mengatakan minyak boleh tahan lagi 23 tahun pengeluarannya. Sebanyak 14 pelantar yang ada di Semenanjung Malaysia buat masa ini dan di samping itu Yang Berhormat mengatakan lima kawasan carigali telah pun dapat dipastikan dan boleh dijalankan. Dan sebentar tadi Yang Berhormat mengatakan di Sabah dan Sarawak juga untuk dirizabkan tempat-tempat ini bagi masa akan datang. Di sini saya ingin bertanya tidakkah ada rancangan Kerajaan memandangkan masalah 23 tahun ini tidak begitu lama negara kita Malaysia ini akan berkehendakkan dari hari ke sehari perbelanjaan supaya pelantar yang sedia ada ini sahaja digunakan sehingga 23 tahun dan yang lima atau enam yang dicubakan itu akan diganti apabila tempoh 23 tahun telah habis boleh diambil gali dari situ supaya masalah ekonomi kita akan berpanjangan sampai bila-bilanya. Oleh itu adakah cadangan ini hendak dibuat?

Datuk Dr. James P. Ongkili: Perlu saya tegaskan bahawa yang 23 tahun itu adalah hanya mengenai simpanan minyak rizab URR (Ultimately Recoverable Reserve) di Pantai Timur Semenanjung Malaysia — belum dikira Sarawak dan Sabah — kalaulah pengeluaran daripada Pantai Timur sebanyak 210,000 tong sehari itu dikekalkan seperti itu. Kalau dikira rizab keseluruhannya di negara, sebenarnya oleh sebab pengeluaran harian kita untuk seluruh negara bagi tahun 1984 ini, misalnya, adalah 440,000 tong sehari, maka simpanan kita menjadi lebih pendek dan menjadi lebih kurang 10 tahun sahaja URR itu atau rizab minyak kita itu.

Dari segi gas, kita mempunyai agak lumaian sedikit sebab kita mempunyai lebih kurang 39 atau 40 trillion cubic feet di negara kita yang mana kalau berpanjangan adalah lebih kurang empat kali lamanya habis kalau ditukar

(convert) kepada lamanya petroleum. Itulah kita selalu katakan kita mempunyai rizab gas yang lebih banyak yang sepatutnya kita gunakan dan kurangkan penggunaan petroleum ini. Pada keseluruhannya soalan Yang Berhormat itu memanglah sepatutnya menjadi amalan kita supaya kita boleh menjimatkan sumber yang begitu penting bagi kita ini dan memanjangkan penggunaannya.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:

Tuan Yang di-Pertua, harta negara dari sumber minyak boleh dilihat dari dua segi. Yang pertamanya minyak yang masih lagi belum dikeluarkan dari dasaran laut atau hasil daripada minyak yang telah dijual di pasaran dunia. Soalan saya, adakah pihak Jabatan Perdana Menteri dan PETRONAS khasnya berpuas hati dengan cara hasil negara ini digunakan atau disimpan dalam bentuk harta yang telah dihasilkan daripada minyak dan dilaburkan di mana-mana jua bidang ataupun harta minyak yang masih lagi belum kita keluarkan daripada sumber-sumber minyak? Saya ingin tahu juga sama ada kita memberi keutamaan dari segi laburan yang kita buat ataupun minyak yang masih lagi tersimpan di dasaran laut?

Datuk Dr. James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, minyak yang masih kita simpan sebagai harta negara ini memanglah kita jaga dan seperti yang saya katakan tadi kita gunakan dengan seberapa jimatnya sepanjang masa terutama sekali petroleum. Itu tidak diusik atau tidak terganggu. Kalau kita hendak gunakan kita carigali, kita tarik lebih banyak minyak. Kalau kita boleh menjadikan sumber alternatif, kita kurangkan penggunaan. Itu memang harta kita, kepunyaan negara kita.

Kedua, sebenarnya kita mengeluarkan minyak khususnya untuk menampung perbelanjaan dan menunai dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan Persekutuan di negara kita ini. Melalui Rancangan Lima

Tahun kita sekarang dan Rancangan Tahun Kelima dan sesudahnya bukan sahaja Kerajaan Persekutuan tetapi Kerajaan Negeri akan menikmati hasil minyak ini dari segi pemberian peruntukan-peruntukan projek-projek di bawah Rancangan Lima Tahun dan lain-lain lagi tambahan-tambahan di sana sini. Kita mengeluarkan minyak ini khususnya menampung keperluan ekonomi lebih-lebih lagi keperluan menunaikan hasrat dan permohonan permintaan rakyat di negara ini untuk mendapat pembangunan kerana mahu tidak mahu kita masih lagi satu negara yang membangun yang memerlukan perbelanjaan yang besar dari sektor awam. Sungguhpun kita telah menggesa bahawa sektor swasta seharusnya memainkan peranan yang lebih penting dalam penghabisan dalam Penggal Kedua Rancangan Malaysia Keempat ini, dan saya perhatikan dalam Rancangan Malaysia Kelima pun begitu juga, tetapi pihak swasta belum begitu tampil ke hadapan, mereka mempunyai kepentingan-kepentingan dan matlamat-matlamat ekonomi komersial perniagaan perusahaan mereka sendiri dan oleh itu Kerajaan Persekutuan khususnya masih terpaksa menggunakan perbelanjaan yang banyak untuk menampung kemajuan dan keperluan meneruskan pentadbiran negara.

Kita hanya melabur melalui PETRONAS. Hasil atau wang daripada pengeluaran minyak yang kita tidak gunakan dari masa ke semasa kita laburkan dalam bank-bank khususnya di Bank Negara kita sendiri, di Bank Bumiputra dan sedikit-sedikit di bank yang membawa faedah yang tinggi mengikut keadaan masa di luar negeri. Tetapi sejumlah besarnya adalah pelaburan di dalam negara kita yang mana wang itu pun kita tarik balik dari masa ke semasa untuk pembangunan.

TUNJUK PERASAAN MURID- MURID — TINDAKAN

14. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah

positif yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran bagi mengatasi masalah murid-murid, tunjuk perasaan, melibatkan diri dalam aktiviti anti nasional dan yang terlibat dalam penagihan dadah.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-pertua, Kementerian Pelajaran mempunyai beberapa strategi tertentu untuk mengatasi masalah murid-murid menunjuk perasaan, melibatkan diri dalam aktiviti anti nasional dan penagih dadah.

Kementerian Pelajaran percaya bahawa masalah tunjuk perasaan dan kegiatan anti nasional ini dapat diatasi dengan menanamkan dan memupuk nilai-nilai murni seperti bertanggungjawab, amanah, berdisiplin, bekerjasama, bersikap liberal dan bertolak ansur di kalangan murid-murid.

Nilai-nilai mulia ini kita semaikan melalui rancangan dan program sivik yang dijalankan melalui mata pelajaran Tatarakyat yang telah digubal berdasarkan prinsip-prinsip Rukunegara.

Di samping itu kegiatan-kegiatan kokurikulum yang akan diberi penekanan yang lebih di sekolah-sekolah akan juga membantu untuk mencapai matlamat.

Selain daripada itu Kementerian Pelajaran juga telah mengarahkan Guru Besar-Guru Besar mengadakan di sekolah-sekolah masing-masing upacara menyanyikan lagu "Negaraku" dan lagu "Malaysia Berjaya", membaca ikrar Rukunegara dan menaikkan bendera Malaysia sebagai salah satu langkah untuk menanamkan semangat kebangsaan dan cintakan tanahair.

Kementerian Pelajaran juga sedang merangka satu mata pelajaran baru iaitu mata pelajaran Kewarganegaraan sebagai lagi satu usaha untuk melahirkan warganegara yang berdisiplin tinggi, cintakan negara dan berperwatakan mulia.

Bagi mengatasi masalah penyalahgunaan dadah pula, Kementerian

Pelajaran mengadakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah. Guru-guru Bimbingan dan Kaunseling sentiasa mengadakan ceramah-ceramah dan menyebarkan maklumat-maklumat bagi menyedarkan murid-murid akibat buruk penyalahgunaan dadah.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sini saya ada pandangan daripada diri saya sendiri memandangkan keadaan murid-murid sekolah sekarang daripada Tingkatan I hingga ke Tingkatan VI atas, murid-murid ini kita boleh melihat sekarang ini sudah betul dikatakan ada di kalangan mereka itu anti nasional yang dikatakan tadi.

Dalam masalah ini saya rasa adalah kesilapan daripada kita juga, sebabnya kita memberikan peluang kepada guru-guru yang begitu muda untuk mengajar anak-anak murid ini. Guru-guru ini juga tidak tahu salasilah ataupun sejarah negara kita ini dengan benar, kalau tahu pun dia tidak baca. Oleh itu dalam masalah ini saya mencadangkan supaya diadakan sivik, berikan satu mata-pelajaran sejarah tanahair kita ini kepada murid-murid ini supaya mereka ini benar-benar menanamkan semangat kebangsaan negara kita ini kerana mereka sekarang ini dia mengatakan apa yang kita dapat kemerdekaan pada hari ini ialah dia hanya mengambil buah sahaja, tidak tahu bagaimana keadaan negara kita ini untuk mendapatkan kemerdekaan dulu hingga ke hari ini, bagaimana politik dan sebagainya berjalan, tidak diterangkan kepada murid-murid. Inilah masalah yang timbul yang membawakan masalah kepada kita kalau kita tidak awasi kepada murid-murid kita sama ada yang pergi juga ke luar negeri dan memburukkan kita. Oleh itu saya mencadangkan supaya suatu sivik ataupun usaha supaya matapelajaran

sejarah ini sungguhpun ada dalam sekolah tetapi tidak ditumpukan sepenuh masa.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Saya percaya pihak Kementerian Pelajaran akan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 25 adalah diberi di bawah ini)

TUDUHAN PARTI PEMBANGKANG

15. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan Kerajaan telah dan akan ambil terhadap parti-parti pembangkang sama ada berunsurkan ugama atau perkauman yang dengan sewenang-wenangnya menuduh Kerajaan tidak adil, kuku besi dan sebagainya lebih-lebih lagi mereka ini apabila pergi ke seberang laut bertemu dengan pelajar-pelajar kita.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Kerajaan memang sedar adanya parti-parti politik, kumpulan-kumpulan atau individu-individu yang ghairah memainkan sentimen-sentimen keugamaan atau perkauman demi kepentingan politik dan pengaruh mereka tanpa menitikberatkan atau mengenyepikan langsung tentang bahaya dan risikonya.

Kerajaan juga sedar dan mengetahui bahawa adanya pemimpin-pemimpin dari parti-parti politik tertentu yang membuat kunjungan keluar negeri dan mereka ini diketahui membuat perjumpaan di samping memberi ceramah politik dan ugama kepada pelajar-pelajar Malaysia dalam usaha mereka untuk mempengaruhi para pelajar Malaysia di luar negeri supaya menyokong parti atau perjuangan

mereka. Kegiatan-kegiatan mereka ini sentiasa diawasi oleh pihak Kerajaan. Sementara itu, pihak Kerajaan sedang berusaha untuk mengatasi kempen-kempen serta dakyah-dakyah yang dilemparkan oleh mereka terhadap Kerajaan. Pemimpin-pemimpin Kerajaan yang membuat lawatan dan membuat perjumpaan-perjumpaan dengan para pelajar Malaysia cuba memberi gambaran yang sebenar tentang perkembangan pembangunan dan politik tanahair.

Kesedaran pada hakikat inilah maka kerajaan sentiasa bertindak tegas demi menjaga dan mengawal ketenteraman awam serta keselamatan negara dengan berpandukan kepada perlembagaan dan peruntukan undang-undang negara.

PAS KERJA BAGI BURUH ASING

16. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada buruh-buruh dari negara jiran khususnya dari Thailand mengancam keselamatan kita; jika ya, apakah usaha-usaha telah diambil bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan Imigresen yang dikandungkan di bawahnya, semua warganegara asing dikehendaki mendapatkan Pas Penggajian atau Pas Kerja daripada Kerajaan sebelum mereka bekerja sama ada dengan pihak swasta atau sektor awam di negara ini. Pada masa ini Kerajaan mengambil pekerja-pekerja asing untuk bekerja di negara ini dalam kategori profesional, teknikal dan pekerja mahir bagi mengisi jawatan-jawatan yang masih belum dapat dipenuhi oleh warganegara Malaysia. Dengan ini bermaknalah bahawa warganegara asing, termasuk rakyat dari negara Thai yang bekerja di sini ialah semata-mata bercorak sementara dan mereka akan dikehendaki meninggalkan negara ini apabila tempoh perkhidmatan mereka tamat atau jawatan mereka boleh diisi oleh warganegara Malaysia.

Mengikut rekod, warganegara asing yang sedang bekerja di negara ini tidak merupakan ancaman kepada ketenteraman awam atau keselamatan negeri. Sekiranya ada di antara mereka yang melibatkan diri dalam hal-hal yang boleh menjejaskan atau mengancam ketenteraman awam, keselamatan negara atau kepentingan rakyat dan negara ini, pihak Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut undang-undang yang ada sekarang bagi mengatasi masalah ini. Tindakan dan hukuman yang akan dikenakan itu adalah setimpal dengan kesalahan yang mereka lakukan.

PENGEDAR DADAH — TANGKAPAN

Tuan Haji Mohamed Bin Yahya minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang yang telah ditangkap mengenai pengedaran dadah merbahaya sejak Januari hingga Oktober 1984 dan beberapa orang yang telah didapati bersalah dengan dikenakan hukuman gantung sampai mati dan berapa orang lagi yang akan dikenakan hukuman gantung.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak bulan Januari hingga Oktober 1984, seramai 391 orang telah ditangkap berkaitan dengan pengedaran dadah di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Oleh kerana kesemua mereka yang ditangkap ini masih di dalam proses perbincangan, maka soalan Yang Berhormat yang berikutnya adalah bergantung kepada keputusan perbincangan mahkamah nanti. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun ini sehingga bulan Oktober, terdapat seramai 23 orang pengedar dadah yang telah dijatuhkan hukuman gantung.

Kesemua mereka ini adalah ditangkap di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, pada tahun-tahun sebelumnya.

PEPERIKSAAN GCE A LEVEL DI KOLEJ SRI INAI

18. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan punca sebenarnya kegagalan penuntut A Level di Kolej Sri Inai, Ipoh, Perak pada tahun lalu dan apakah usaha-usaha yang dijalankan bagi menjamin tidak berulang keputusan yang mengecewakan itu.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Untuk makluman Yang Berhormat, kumpulan pelajar berkenaan merupakan kumpulan pertama di dalam program peperiksaan A Level di dalam negeri yang dikendalikan oleh Kolej Sri Inai. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan supaya pelajar-pelajar lepasan SPM mengikuti program persediaan di dalam negeri sebelum melanjutkan pelajaran keluar negeri. Tujuan program G.C.E. A Level diadakan di dalam negeri adalah untuk menjimatkan perbelanjaan jika dibanding dengan penghantaran terus pelajar-pelajar keluar negeri seperti di United Kingdom dan lain-lain negeri.

Dari segi kemudahan dan keselesaan pembelajaran sama ada dalam bentuk fizikal dan tenaga pengajar adalah juga didapati kolej ini dapat memenuhi keperluan penuntut-penuntut secukupnya. G.C.E. A Level yang dijalankan oleh Kolej ini sebenarnya adalah setaraf dengan kursus yang sama di luar negeri dan Kolej ini mempunyai tenaga pengajar yang terlatih serta lain-lain kemudahan seperti bilik darjah, makmal, bilik bacaan, perpustakaan, tempat tinggal, kantin, tempat sembahyang dan perkhidmatan kaunseling. MARA berpendapat bahawa masalah awal yang banyak menghabiskan masa penuntut dapat diatasi dengan adanya kemudahan-kemudahan tersebut. Di samping itu penuntut-penuntut akan

menjadi lebih 'dewasa' apabila berada di luar negeri selepas tamat daripada Kolej tersebut.

Masalah sebenar yang dihadapi oleh penuntut-penuntut pada ketika itu bukanlah disebabkan mutu pelajaran yang rendah atau kemudahan yang tidak memuaskan tetapi adalah timbul daripada sikap dan pandangan umum yang negatif terhadap program seperti ini di dalam negeri. Mereka percaya bahawa kursus-kursus seperti ini hendaklah dijalankan semata-mata di luar negeri. Tanggapan yang salah itu telah mengakibatkan tekanan emosi terhadap penuntut-penuntut.

Sebenarnya keadaan yang berlaku bukanlah begitu buruk seperti yang dianggapkan. Lebih kurang 60% daripada kumpulan tersebut telah berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti-Universiti dan Kolej-Kolej di luar negeri. Keadaan ini tidaklah begitu mengecewakan berdasarkan kepada hakikat bahawa ini adalah program pertama Kolej tersebut dan juga pelajar-pelajar berkenaan bukanlah terdiri daripada mereka yang mendapat keputusan terbaik di dalam peperiksaan SPM.

Setelah meneliti masalah-masalah dan implikasi-implikasi yang timbul daripada kumpulan pertama, langkah-langkah positif telah dan akan diambil untuk memastikan prestasi yang lebih baik di masa yang akan datang.

PUSPATI — PENGGUNAAN TENAGA NUKLEAR

19. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Perdana Menteri menyatakan sejak tertubuhnya PUSPATI apakah sumbangan dan kejayaan yang diperolehi melaluinya dalam penggunaan tenaga nuklear bagi pembangunan negara.

Datuk Dr. James P. Ongkili: Soalan ini memerlukan jawapan yang menyeluruh dan di sini saya akan

huraikan beberapa bidang penting dalam mana PUSPATI telah memberi sumbangannya.

(i) Perkhidmatan

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, PUSPATI mempunyai sebuah reaktor penyelidikan yang telah beroperasi sejak pertengahan tahun 1982. Reaktor ini telah digunakan untuk memberi kemudahan penyinaran kepada institusi-institusi penyelidikan dalam negeri terutamanya di dalam menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah analisa pengaktifan neutron. Reaktor ini juga telah digunakan untuk menghasilkan beberapa jenis radioisotop untuk kegunaan penyelidikan. Di samping itu usaha-usaha sedang dibuat untuk mengadakan suatu kemudahan yang boleh menyediakan khidmat radiografi neutron. Sebuah makmal tentukan alat pengesan sinaran telahpun ditubuhkan di PUSPATI dan makmal ini dikenali sebagai Makmal Kebangsaan Piawaian Dosimetri Peringkat Kedua. Kemudahan yang terdapat di makmal ini telah digunakan oleh beberapa agensi untuk menentu-ukur alat-alat pengesan sinaran. Dengan adanya kakitangan yang terlatih di dalam bidang instrumentasi nuklear, PUSPATI juga telah dapat memberi pertolongan dan bantuan kepada agensi-agensi lain dalam penyenggaraan peralatan nuklear. Sehingga ini, PUSPATI telah memberi khidmat ini kepada beberapa agensi Kerajaan seperti MARDI, UKM dan UTM.

Dalam bidang perindustrian, PUSPATI telah giat dalam usahanya memperkembangkan

perkhidmatan Ujian Tanpa Musnah bagi memastikan penggunaan teknik ini dijalankan dengan betul dan selamat. Sehingga ini, Kumpulan Ujian Tanpa Musnah di PUSPATI telahpun memberi bantuan dari segi kepakaran kepada pihak-pihak lain seperti Sistem Penerbangan Malaysia serta Keretapi Tanah Melayu.

Satu khidmat yang khusus yang telah diberikan oleh PUSPATI ialah dalam bidang keselamatan sinaran dan pengurusan sisa radioaktif. Sepertimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kepakaran yang terdapat di PUSPATI di dalam bidang ini telah dapat membantu Kerajaan di dalam menganalisa aspek-aspek keselamatan sinaran di dalam kes tertentu seperti yang dihadapi baru-baru ini. Di samping itu sebuah Pusat Rawatan Sisa Radioaktif telah juga beroperasi di PUSPATI dan ianya telah dapat memberi perkhidmatannya dalam pengurusan sisa radioaktif dari dalam dan luar PUSPATI.

(ii) **Penyelidikan**

Di dalam bidang ini, PUSPATI telah dapat menjalankan beberapa projek kerjasama dengan institusi-institusi serta jabatan-jabatan kerajaan yang lain di dalam usahanya untuk meningkatkan penggunaan teknik-teknik nuklear di negara ini. Di antara kerja-kerja luar yang telah dijalankan ialah kajian sumber air bawah tanah di kawasan Lembah Kelantan dan juga di kawasan Kedah/Perlis. Penyelidikan menggunakan teknik penyurih bagi kajian resapan dan kebocoran di tali air serta empangan telah juga dilakukan.

Kajian resapan tali air telah dilakukan di Kawasan Kemajuan Pertanian Kemubu dengan kerjasama KADA. Sementara itu penyelidikan kebocoran empangan Pedu telah dijalankan dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Pada masa ini PUSPATI sedang di dalam peringkat persediaan untuk melakukan kajian masalah 'Siltation' di Pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang.

Di samping projek-projek luar yang saya sebutkan itu, beberapa projek penyelidikan lain sedang dijalankan di PUSPATI sama ada secara bersendirian ataupun dengan kerjasama institusi-institusi tertentu di dalam dan di luar negeri. Di antaranya ialah projek penyinaran makanan, projek kajian hubungan tanah-tanaman, projek biakbaik mutasi yang mana kesemua projek-projek ini dijalankan sebagai projek kerjasama kebangsaan.

(iii) **Latihan**

Sepertimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum salah satu tujuan utama PUSPATI ialah untuk menyediakan kakitangan terlatih di dalam berbagai bidang. Di dalam mencapai tujuan ini, PUSPATI telah menganjurkan beberapa kursus latihan yang diberi kepada agensi-agensi lain kerajaan serta juga kepada pihak swasta. Kursus-kursus seperti keselamatan sinaran, penggunaan teknik-teknik nuklear, penyenggaraan peralatan nuklear telah juga dianjurkan dengan jayanya oleh PUSPATI.

Akhir sekali dan sebagai kesimpulan ingin saya

nyatakan di sini bahawa Kerajaan berpuashati dengan apa yang telah dilaksanakan oleh PUSPATI sehingga ini. Kerajaan terus memberi sokongan di dalam usaha PUSPATI untuk memperluaskan penggunaan sains dan teknologi nuklear di dalam usaha-usaha pembangunan negara.

DASAR PANDANG KE TIMUR

20. Dato' G. Pasamanickam minta Perdana Menteri menyatakan samada ada apa-apa pembaharuan dan perubahan kita mengenai polisi dan sikap Pandang ke Timur setakat ini memandangkan bahawa negara Jepun mengamalkan sikap perdagangan sehalu dengan Malaysia.

Datuk Dr. James P. Ongkili: Soalan yang seumpama ini telah dibangkitkan dalam Dewan Negara pada 3 dan 6 Disember 1984 yang lalu. Dalam jawapan-jawapan tersebut, saya telah menegaskan dengan jelasnya bahawa kerajaan tidak berniat untuk memikirkan semula hubungan antara Malaysia dengan Jepun. Sepertimana yang telah saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, bahawa Perdana Menteri Jepun telah

berjanji untuk mengambil langkah-langkah yang wajar untuk membaiki keadaan ketidakseimbangan dalam perdagangan Malaysia — Jepun. Oleh yang demikian soal pembaharuan dan perubahan dasar hubungan kita dengan Jepun tidak berbangkit lagi.

(Soalan No. 21 dijawab sama pada Soalan No. 8).

BANK PERTANIAN — PINJAMAN

22. Tuan Mohd Yusoff bin Kassim minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah pinjaman yang telah diberikan oleh Bank Pertanian untuk maksud pertanian bagi tahun (a) 1982, (b) 1983 dan (c) 1984 sehingga bulan November.

Tuan Luhut Wan: Jumlah pinjaman yang telah diberikan oleh Bank Pertanian Malaysia (BPM) bagi tahun 1982, 1983 dan 1984 (sehingga bulan Julai) adalah seperti di dalam kertasa berlampir.

Untuk makluman Yang Berhormat semua pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh Bank Pertanian Malaysia adalah kepada aktibiti-aktibiti pertanian atau aktibiti lain yang berkaitan dengannya sahaja. Ini adalah selaras dengan objektif penubuhannya.

KELULUSAN PINJAMAN BAGI TAHUN 1983 (\$'000)

Perkara Jenis Pinjaman	1983	
	Bil	Nilai
1. Pengeluaran Padi	39,278 ¹	33,645
2. Pengeluaran dan Pemasaran Tembakau	187 ²	49,480
3. Jentera Pertanian	1,331	6,134
4. Perusahaan Pertanian	549	8,210
5. Kontrek	385	3,342
6. Lain-lain Tanaman	2,385	14,954
7. Kemajuan Ladang	40	54,738
8. Ternakan	1,117	4,803
9. Perikanan	754	6,383
10. Perhutanan	5	77

11. Membeli dan Memajukan Tanah	1,375	25,840
12. Penebusan tanah	99	679
13. Persekolahan	435	110
14. Perumahan Luarbandar	127	1,341
15. Skim Sara hidup kecemasan	—	—
16. Skim kredit kacang tanah	510	237
17. Skim kredit nenas	—	—
JUMLAH	48,577	209,973

Nota: 1. Bilangan Petani

2. Bilangan Pengawit Tembakau

KELULUSAN PINJAMAN BAGI TAHUN 1982 DAN JAN. — JULAI 1984

Perkara Jenis Pinjaman	1982		Jan — Julai 1984	
	Bil.	Nilai	Bil.	Nilai
1. Pengeluar padi	36,133 ¹	27,953	11,740 ¹	9,804
2. Pengeluar dan Pemasaran Tembakau	182 ²	54,857	158 ²	37,196
3. Jentera Pertanian	1,252	4,938	761	2,845
4. Perusahaan Pertanian	473	17,562	282	3,345
5. Kontrek	428	4,804	224	1,525
6. Lain-lain tanaman	1,793	11,366	1,329	11,585
7. Kemajuan Ladang	34	44,570	9	7,995
8. Ternakan	1,432	4,520	586	2,350
9. Perikanan	960	6,734	261	2,608
10. Perhutanan	6	2,155	2	20
11. Membeli dan Memajukan tanah	1,416	29,120	845	14,529
12. Penebusan tanah	194	4,470	81	673
13. Persekolahan	606	162	287	76
14. Perumahan Luarbandar	321	6,571	—	—
15. Skim Sarahidup kecemasan	70	56	—	—
16. Skim Kredit Kacang Tanah	1,093	606	—	—

17. Skim Kredit Nenas

Jumlah	46,393	220,381	16,565	94,551
--------	--------	---------	--------	--------

Nota: 1. Bilangan Petani
2. Bilangan Pengawit Tembakau

PASARAN BARANG-BARANG MALAYSIA KE JEPUN

23. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil rundingan beliau dengan Menteri Perdagangan dan Perindustrian antarabangsa Jepun baru-baru ini mengenai membuka pasaran lebih luas barang-barang siap dan juga diproses di negara ini kerana selama ini hanya sebahagian kecil sahaja yang dipasarkan disini dan juga sambutan Kerajaan Jepun atas permintaan beliau supaya Jepun boleh menyediakan Malaysia maklumat-maklumat mengenai rancangan penyusunan semula perindustrian bagi membolehkan Malaysia merancang pembangunan industrinya sendiri.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Semasa saya bertemu dengan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa Jepun baru-baru ini saya telah membangkitkan masalah perdagangan Malaysia Jepun dan meminta pihak Jepun mengambil langkah-langkah untuk memudahkan kemasukan barangan-barangan buatan Malaysia ke pasaran Jepun. Setakat ini belum ada apa-apa reaksi yang positif daripada Jepun.

Saya juga membincangkan dengan beliau tentang rancangan penyusunan semula perindustrian yang sedang diadakan di Jepun dan kesan-kesan yang akan timbul ke atas usaha-usaha kita untuk menarik pelaburan Jepun ke Malaysia. Saya yakin bahawa semasa Jepun menumpukan usaha perindustrian kepada industri yang berteknologi tinggi kita boleh menjangka lebih pelaburan dari Jepun terutama dari industri-

industri yang berteknologi sederhana yang tidak lagi bertanding di Jepun.

BINTANG RTM BAGI ARTIS TEMPATAN

24. Tuan R.M. Jasni minta Menteri Penerangan menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk mengadakan ujian kepada setiap peserta yang akan menyertai Bintang RTM, sebagai langkah mencegah penyalahgunaan dadah di kalangan artis-artis tempatan.

Menteri Penerangan (Dato Rais Yatim): TV Malaysia belum ada cadangan untuk menguji bakal-bakal peserta Bintang RTM supaya dapat menentukan mereka itu penagih dadah ataupun tidak. Ia melibatkan soal undang-undang, hak untuk memeriksa dan hak asasi peserta-peserta. Walau bagaimanapun, pihak TV Malaysia sentiasa berwaspada mengenai perkara ini dan telah menetapkan syarat-syarat penyertaan yang tertentu untuk menjamin kelicinan pertandingan itu.

CUKAI ATAS BARANG PENUMPANG

25. Puan Hajjah Hafsah Osman minta Menteri Kewangan menyatakan semenjak Kerajaan mengenakan kadar baru cukai keatas barang-barang yang dibeli di luar negeri dan dibawa masuk ke negeri ini, nyatakan:—

- (a) jumlah pendapatan pungutan cukai di tambak Johor pada hari pertama cukai tersebut dikenakan;
- (b) samada pungutan cukai semakin bertambah dari hari pertama ke hari ini.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini kurang

jelas, mungkin apa yang dimaksudkan oleh beliau ialah pengenaan cukai 50% keatas barang-barang yang dibawa masuk oleh penumpang-penumpang ke negara ini.

- (a) jumlah pungutan cukai tersebut ditambah Johor pada hari pertama cukai itu dikenakan ialah pada 20hb. Oktober, 1984 adalah sebanyak \$54,279.20;
- (b) pada masa ini jumlah pungutan cukai itu pada setiap hari kadangkala bertambah dan kadangkala berkurangan dari jumlah pungutan pada hari pertama cukai itu dikenakan.

RUMAH BAGI KAKITANGAN KERAJAAN — PEMBELIAN

26. Datuk Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai kakitangan Kerajaan yang berpendapatan rendah tidak mampu membeli rumah-rumah dari pemaju-pemaju perumahan; jika sedar nyatakan samada beliau bercadang untuk mengadakan galakan cukai atau lain-lain galakan supaya pemaju-pemaju perumahan berusaha menyediakan rumah kos rendah untuk mereka yang berpendapatan rendah.

Tuan Daim Zainuddin: Kerajaan memang menyedari yang ramai kakitangan Kerajaan tidak mampu membeli rumah-rumah dari pemaju perumahan. Itulah sebabnya Kerajaan menyediakan peruntukan yang banyak setiap tahun kepada Kerajaan-kerjaan Negeri untuk membina rumah-rumah kos rendah. Selain itu kakitangan Kerajaan juga disediakan kemudahan pinjaman perumahan dengan kadar faedah yang rendah.

Walaupun Kerajaan memberi keutamaan kepada pembinaan rumah kos rendah, soal pembinaan jenis-jenis rumah samada jenis kos rendah, sederhana dan sebagainya adalah bergantung kepada pemaju-pemaju itu sendiri dan pada ketika ini Kerajaan

tidak ada cadangan untuk mengadakan galakan cukai atau lain-lain galakan kepada pemaju supaya berusaha menyediakan rumah kos rendah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (13hb Disember, 1984).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar.

4.05 ptg.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, menyambung ucapan saya dari petang kelmarin maka di sini saya ingin menyentuh mengenai Fasal 16 iaitu dalam Rang Undang-undang ini mengenai kadar cukai bagi individu.

Kelmarin saya telah menyentuh bahawa kadar cukai yang telah dikurangkan bagi tahun ini ialah hanya 1% kepada mereka yang berpendapatan daripada \$2,500 dan seterusnya ke \$5,000. Dan yang mendapat pendapatan \$100,000 pula mendapat pelepasan cukai di antara 40%.

Maka inilah mungkin terdapat sedikit pandangan-pandangan dari segolongan orang mengatakan bahawa cukai ini adalah cukai yang hanya menguntungkan kepada orang-orang kaya. Tetapi pada hemat saya, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah yang bijak dalam mengatur struktur baru dalam pelepasan cukai bagi tahun 1985. Kerana mereka yang berpendapatan lebih daripada \$100,000 mereka ini akan dapat menggunakan baki wang mereka

bagi pertumbuhan ekonomi dan boleh menampung, memberikan peluang-peluang pekerjaan di dalam negeri ini. Ini juga akan mengurangkan pengaliran wang daripada negara ini terkeluar ke negara-negara lain.

Maka dengan ini, Tuan Yang Dipertua, ternyata Kerajaan telahpun mengambil kira untuk meringankan sedikit sebanyak bebanan cukai yang kena dibayar oleh mereka yang juga berpendapatan rendah. Walaupun sekadar kurangan cukai itu hanya 1% pada mulanya 6% dan pada tahun ini mereka hanya dikenakan 5%. Maka tidak semua pula orang-orang yang mempunyai pendapatan beratus ribu ringgit yang mereka ini terus mampu boleh membayar cukai kepada Kerajaan. Dan tidak semua pula mereka ini yang berpendapatan di bawah daripada itu juga dapat membayar cukai pendapatan dan menghantarkan cukainya kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri dengan menurut notis yang telah diberikan.

Kerap kali berlaku, mungkin pihak Kerajaan tidak menyedari ada di antara pembayar-pembayar cukai ini tidak dapat membayar cukai mereka sehingga kenalan penalti 10% dan setelah penalti 10% terlewat lagi dalam masa sebulan, dua bulan kerana mereka mempunyai commitment yang lain menggunakan wang ini untuk kepentingan pembangunan ekonomi yang lain ataupun mengadakan usahasama dengan peniaga-peniaga yang lain. Dan Undang-undang tidak memilih. Akta Cukai ini sudah tidak memilih lagi, kita kena lagi 5%. Maka sudah 15%.

Cukai yang kita bayar semakin meningkat. Dan bila sudah kena lagi 10% dan 5% maka si pembayar cukai tidak lagi dimestikan membayar cukai secara beransur-ansur. Mereka mesti membayar sekali gus cukai yang dikenakan pada tahun itu.

Inilah satu-satu daripada bebanan juga kepada mereka yang berpendapatan lebih daripada \$100,000. Dan jika

mereka juga tidak menjelaskan dari cukai pendapatan ini mereka akan dihadapkan ke mahkamah. Itulah sahaja satu cara undang-undang. Tidak ada tolak ansur dalam Akta Cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyelesaikan masalah pembayar-pembayar cukai ini mereka terpaksa mengambil harta tetap mereka (immovable property) seperti tanah dan sebagainya digadaikan kepada bank untuk mendapatkan pinjaman sementara atau overdraft misalnya bagi membayar cukai pendapatan. Ini tidak dirasakan oleh pihak Kerajaan. Mereka terpaksa menggadaikan geran-geran tanah mereka untuk membayar cukai yang dikenakan tadi. Jadi, inilah bagaimana tanggungjawab rakyat kita di negara ini, kita akan terus patuh dan membayar cukai kepada Kerajaan, kerana kita sedar bahawa dengan adanya cukailah sebagai pendapatan Kerajaan. Kerana itu adalah hasil Kerajaan juga bagi keperluan negara kita, tanpa cukai negara kita tidak akan membangun dan kita sedar bahawa negara kita mula-mula sekali mencapai kemerdekaan, kita memang tidak ada wang. Kita telah meminjam wang daripada luar negeri, sehingga hari ini Kerajaan kita masih menanggung dengan bebanan hutang yang begitu berat. Kita sebagai rakyat Malaysia yang layak sebagai pembayar cukai, bertanggungjawab bersama-sama untuk membayar cukai, hutang-piutang yang ditanggung oleh negara kita pada masa sekarang, kerana ini juga sebagai satu tanggungjawab kita bersama.

Tuan Yang Dipertua, walau macam manapun saya berpendapat bahawa pelepasan cukai yang dikenakan oleh Kerajaan bagi tahun 1985 ini adalah sebagai satu pelepasan cukai yang begitu liberal, yang begitu bertimbangrasa. Walaupun demikian pihak Kerajaan pula tidak kehilangan pendapatan daripada mengurangkan cukai, namun Kerajaan telah juga mendapat pertambahan-pertambahan daripada sumber-sumber cukai yang lain.

Kita berharap kepada Menteri Kewangan yang baru supaya dapat membuat satu perancangan, satu strategi cukai yang begitu baik dan kita berharap dengan adanya kelonggaran-kelonggaran cukai seperti ini juga, rakyat kita di Malaysia akan dapat sedikit sebanyak menggunakan wang ini dengan sepenuhnya, digunakan dalam negeri ini sendiri, dan akan kita gunakan pula bagi mereka yang berada untuk menubuhkan kilang-kilang perniagaan dan sebagainya, demi menampung peluang-peluang pekerjaan kepada mereka yang tidak beruntung, yang tidak bernasib untuk menjawat jawatan yang tinggi dalam Jabatan-jabatan Kerajaan. Sekadar kita membuat kilang kasut daripada getah cukuplah, asalkan kita boleh memberikan peluang pekerjaan kepada beratus-ratus orang penduduk kita di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih atas cadangan pelepasan cukai individu yang dikenakan oleh Kerajaan daripada 55% ke 40%, yang saya anggap begitu murah hati pihak Kerajaan mengurangkan sebanyak 15% daripadanya. Jadi dengan itu saya berharap Kerajaan tidak akan menggunakan ini hanya sebagai satu cukai untuk menyenangkan di peringkat permulaan kepada rakyat Malaysia, mungkin kerana gara-gara pilihanraya, jadi ini sebagai cukai menawan hati, tetapi saya harap cukai seperti ini akan dapat dikekalkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, kalau tidak silap saya negara kita ini adalah sebuah negara yang paling tinggi membayar cukai, kalau tidak silap saya, sama ada betul atau tidak, negara yang ketujuh tingginya dalam pembayaran cukai. Walaupun kita masih mempunyai taraf dan kedudukan kita di Malaysia ini sebagai Dunia Ketiga, Singapura Dunia Kedua, kita baru mempunyai taraf Dunia Ketiga, kita mesti setaraf dengan New Guinea, kita mesti sama dengan setengah-setengah negara yang menghadapi kebuluran yang ada

sekarang. Tetapi syukur alhamdulillah bentuk Kerajaan kita nampaknya tidaklah seperti mana negara-negara yang mundur tetapi taraf ini sudah ditentukan oleh dunia yang Malaysia ini katanya masih sebagai Dunia Ketiga, kita masih dianggap sebagai negara yang penuh dengan hutan rimba, rakyatnya masih belum mempunyai rumah, mungkin anggapan mereka juga rakyat Malaysia ini masih banyak yang mempunyai rumah di atas pokok, itu pendapat mereka. Di Singapura ini rumahnya sudah sebagai pencakar langit "sky-scrapers", jadi inilah pendapat atau pandangan dunia yang sudah maju, Singapura Dunia Kedua, iaitu jiran kita sebelah sahaja. Ini manusia yang menentukan sikap-sikap standard sesebuah negara itu, tetapi bagi kita sama ada kita dunia yang kelima sekalipun kita bersyukur dengan keadaan negara kita, kerana kita bertuah mempunyai sebuah negara yang mempunyai sistem pemerintahan yang baik, mempunyai kestabilan politik yang baik dan pembangunan ekonomi yang terpuji di negara-negara lain, jadi itulah pendapat saya dalam soal ini.

Tuan Yang Dipertua, ada lagi di antaranya yang mana mungkin pihak Kerajaan tidak dapat mengesan di mana cukai-cukai ini yang boleh diperolehi, mungkin kerana di negara kita ini telah dibanjiri oleh pendatang-pendatang haram dan juga pendatang-pendatang daripada negara-negara jiran dengan cara menggunakan dokumen-dokumen yang tertentu, dan mereka ini telahpun menjalankan perniagaan-perniagaan, misalnya di Chow Kit Road, mereka ada yang menjalankan perniagaan secara haram, membuat gerai ataupun berniaga secara penjaja, mereka ini mendapat keuntungan sekurang-kurangnya 200% daripada perniagaan mereka, jika dibandingkan dengan peniaga-peniaga yang besar kerana keuntungan mereka ini sangat terhad.

Kalau kita lihat di Chow Kit Road, orang-orang Melayu sudah tertendang,

tidak banyak orang-orang tempatan yang mempunyai gerai-gerai di sana, kebanyakannya dipunyai oleh orang-orang yang pendatang ini, ini bukan sahaja berlaku di Kuala Lumpur, juga berlaku di Sabah. Kita sediakan gerai untuk bumiputera, kemudian mereka datang ikut mengambil sebahagian perniagaan di sana, besok mereka mengambilalih, akhirnya kita tersingkir sebab sehari demi sehari mereka sudah makin ramai, mereka akan tubuhkan Union, jadi satu Union atau satu kumpulan di sana. Orang kita tidak mahu menggunakan kekerasan, tetapi mereka mahu menggunakan kekerasan kerana mereka tidak ada mempunyai tekak yang lain, selain daripada mereka yang hanya mahu menjamin penghidupan yang mereka mesti perolehi daripada negara kita ini. Mereka ini mahu mengecap kemakmuran yang terdapat di negara kita, sedangkan yang menjaga kestabilan politik, untuk merancang kemakmuran ekonomi negara kita ini adalah kita sendiri, kita rakyat Malaysia, kitalah yang memilih dan membentuk Kerajaan negara kita. Jadi mereka ini dengan sewenang-wenangnya mengambil peluang ini dan mereka ini pula Tuan Yang Dipertua, mengaut keutungan daripada perniagaan penjaja-penjaja ini, mereka mengiriskan wang balik ke negeri mereka masing-masing. Ini satu contoh, sebab mereka ini tidak ada membuat sebarang penyata kira-kira untuk membolehkan mereka ini dikenakan cukai. Demikian juga mereka ini bekerja di antara sahabat dengan sahabat dan tidak kena-mengena kepada mereka untuk membayar Kumpulanwang Simpanan Pekerja.

Adalah berlainan daripada kita yang menubuhkan syarikat-syarikat, mereka ini seolah-olah sudah terbebas dan terlepas daripada apa yang kita maksudkan untuk mendapatkan bentuk hasil kemakmuran negara, mereka hanya mengutip kemakmuran daripada negara kita dan mereka hantar balik, misalnya ke Indonesia oleh pekerja-pekerja yang ada di sini. Peniaga-

peniaga ini serupa dengan seperti apa yang berlaku di Sabah, yang saya ketahui. Demikian juga pekerja-pekerja di Sabah, kalau tidak silap saya, ada seramai lebih kurang 30,000 atau 40,000 orang, mungkin lebih dari itu pekerja-pekerja buruh kasar daripada Indonesia.

Jadi, kalau kita ambil kira seorang daripada mereka ini menghantar \$100 tiap-tiap bulan kepada keluarga mereka di Indonesia, itu akan menelan sebanyak \$3 juta sebulan. \$3 juta wang kita tetap kita kirim ataupun lebih dari itu dan kalau kita kira jumlahnya di Sarawak dan juga di Semenanjung Malaysia mungkin kita menghantar mengeluarkan wang kita melalui pos akan menelan sekurang-kurangnya \$10 juta sehingga \$12 juta sebulan. Jadi, kalau kita kira dikali dengan 12 bulan, beberapa ratus juta wang kita terkeluar begitu sahaja yang sepatutnya wang ini mesti berada di negara kita sendiri. Inilah, Tuan Yang Dipertua, apa yang saya fikirkan ini juga sebahagian daripadanya yang mana kelonggaran-kelonggaran ini belum dapat dikesan oleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Lain pula dengan halnya di Filipina. Rakyat Filipina bila hendak keluar mencari kerja ke luar negeri, mereka terlebih dahulu ditaksir pendapatan mereka setahun dan mereka terpaksa membayar cukai tahunan mereka sebelum mereka dapat keluar daripada negerinya sendiri ataupun dikeluarkan passport dan begitu juga kalau mereka balik selepas bekerja di Malaysia, mereka ditaksirkan berapa pendapatannya dari Malaysia dalam setahun dan mereka akan dikenakan cukai menurut Akta Cukai negara itu sendiri dan mereka akan bayar cukai itu di negaranya bila dia masuk balik.

Inilah apa yang saya rasa kesal supaya mana yang terdapat sebarang kelonggaran-kelonggaran ini patut dikesan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri, jangan bebanan-bebanan ini hanya terletak kepada kita sedangkan orang lain menikmati tanpa memberikan

sumbangan-sumbangan yang berguna kepada negara ini. Seperti saya katakan tadi, sebagai seorang rakyat Malaysia adalah tanggungjawab kita bersama, kita ingin membangunkan negara kita dalam serba-serbi. Kita sedar kita akan meningkatkan bilangan penduduk kita dan berapa ramai dan berapa juta anak-anak kecil yang akan lahir dan kita memerlukan fabrik-fabrik ataupun faktori-faktori yang akan mengeluarkan kain-kain untuk anak-anak kecil, berapa banyak botol-botol susu yang akan kita buat hasil daripada getah kita semua, puting-puting susu semua boleh kita buat daripada hasil getah kita yang ada di sini bila kita hendak meningkatkan matlamat 70 juta penduduk negara kita Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, rakyat Malaysia memang sedar akan tanggungjawabnya terhadap cukai-cukai yang telah dikenakan oleh Kerajaan, tetapi apa yang kita merasa kesalkan ialah mereka ini datang, dengan izin, 'is only tapping our wealth, tapping our resources' dan bawa balik ke negara mereka. Jadi, kita adalah sebagai sebuah negara yang dikatakan negara yang bersikap kebajikan (welfare state), jadi kerana itulah kita ini selalu didatangi oleh orang-orang daripada mana negara-negara yang tidak bernasib baik, kepada rakyat yang tidak beruntung di dalam negara mereka. Jadi, kita selalu menjadi sebagai tumpuan pendatang daripada mana-mana negara kerana mereka menganggap Malaysia ini sebagai sebuah 'welfare state'. Jadi, ini sudah disadari oleh setengah-setengah negara barat, baik Amerika sekalipun menyedari. Pada mulanya Australia, England, Great Britain menyedari perkara ini, bila mereka terlalu bermurah hati, terlalu mempunyai perasaan peri kemanusiaan, akhir-akhirnya mereka sendiri yang akan ditendang, akhir-akhirnya mereka sendiri yang akan dicabar. Jadi, apa yang berlaku sekarang, misalnya di Amerika, jangan fikir yang Amerika menerima pelarian-

pelarian Vietnam yang mereka itu senang hati, pelarian-pelarian ini juga ditempatkan di luar daripada bandar Amerika yang mana mereka susah untuk mencari penghidupan di sana. Sebabnya, mereka sudah merasakan mereka sudah menjadi sebuah negara kebajikan seperti macam Malaysia ini. Malaysia adalah satu-satunya negara dalam Asia Tenggara yang mempunyai amalan seperti ini kerana kita mempunyai sikap belas kasihan, kita selalu murah hati. Jadi, ini sebabnya kita dibanjiri oleh orang-orang daripada jiran-jiran negara kita.

Jiran kita, kita mesti anggap jiran sebagai saudara kita, sebagai negara jiran kita dalam kita berunding dan sebagainya, tetapi dalam kita bersahabat, dalam kita berbaik-baik tidak semestinya mereka itu dengan semudah-mudahnya atau dengan sewenang-wenangnya masuk dalam rumahtangga kita dan terus masuk tidur dalam kelambu rumah kita. Sahabat tetap sahabat, datang berkunjung tetap berkunjung, duduk di atas kerusi dan di sana kita berunding, bukan terus masuk dalam kelambu. Jadi, ini yang mereka sifatkan kepada negara kita Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, saya fikir saya tidak akan menyentuh lebih panjang dalam soal ini, jadi saya harap teguran-teguran saya ini akan diambil sedikit sebanyak yang mana mungkin tidak ada dalam pengetahuan daripada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya ingin beralih pula kepada Fasal 6, iaitu meminda seksyen 6A Akta dengan tujuan yang mana seseorang individu yang pendapatannya hanya boleh dikenakan cukai adalah tidak melebihi \$10,000. Jadi, isteri yang berpendapatan melebihi \$10,000 pula dengan secara berasingan boleh menentukan bagaimana pula pengecualian cukai ini dikenakan. Ini pernah saya timbulkan dalam pertanyaan saya kerana menurut dalam Akta ini yang menyatakan kalau

seseorang isteri yang bergaji \$10,000, dia bekerja sebagai seorang pegawai Kerajaan, bagaimana seorang suami yang mempunyai gaji kurang daripada \$10,000 dan kedua-duanya mempunyai anak 5 orang, jadi daripada mana pelepasan cukai ini yang mesti dikenakan? Adakah pelepasan cukai daripada pihak isteri ataupun daripada suami yang gajinya di bawah daripada pendapatan \$10,000 atau kepada si isteri? Jadi, ini satu soalan saya kerana terdapat mungkin kekeliruan, mungkin saya tidak mengerti dalam maksud Akta atau Rang Undang-undang ini.

Dalam pendapatan saya, pelepasan ke atas anak atau seseorang orang gaji juga bagaimana kalau sekiranya seseorang keluarga di dalam Akta yang terdahulu daripada ini, iaitu pelepasan kepada saudara kandung boleh dikenakan \$1,000. Bagaimana keluarga yang tidak tinggal bersama dengan saudara kandung, tetapi mereka ini punya tukang gaji, adakah orang gaji ini akan diambil kira sebagai seorang yang boleh dikenakan pelepasan cukai kerana orang gajinya dibayar gaji, katakanlah gajinya \$200 sebulan dan dalam setahun dia akan dibayar di antara \$2,400, jadi yang mana kita anggap lebih mahal daripada pelepasan cukai kepada saudara kandung.

Inilah, Tuan Yang Dipertua, dalam alasan saya bagaimana pula pengecualian cukai ini patut dikenakan dan demikian juga kepada seorang isteri. Misalnya, seorang suami punya dua isteri, menurut dalam Fasal 6 ini mengatakan, "pelepasan cukai ini bagi 5 orang anak yang pertama". Maksud dalam sini bagi 5 orang anak yang pertama. Jadi, kalau 5 orang anak yang pertama, kalau mereka ini mempunyai anak 8 orang, yang 3 sudah tidak dapat pelepasan cukai, tetapi apa halnya seorang suami punya dua isteri? Jadi pelepasan cukai bagi lima orang anak yang pertama, bagaimana isteri yang kedua tadi juga mereka ada anak tiga orang atau empat orang. Bagaimana

pelepasan cukai yang akan dibuat kepada yang baki tadi kepada isteri yang kedua. Ini juga harus diambil kira kerana bebanan dan tanggungjawab seorang isteri itu amat berat dan suami itu apa lagi memang berat. Dia terpaksa mengira berapa banyak tanggungjawabnya dalam rumah. Anak kecil itu bukan sahaja sekadar mahu dibelikan Nestumnya, Lactogennya ataupun Nespraynya dan sebagainya seperti yang kita nampak dalam TV hari ini bermacam-macam jenis makanan bayi yang ditunjukkan di tiap-tiap minit dalam iklan-iklan TV kita dan bermacam-macam juga permainan-permainan yang harus kita belanjakan kepada anak-anak kita.

Jadi menurut pelepasan cukai dalam Fasal 6 ini tadi, saya berpendapat supaya Kementerian membuat kajian sedikit supaya menambahkan lagi pelepasan cukai kepada anak-anak ini kerana menurut harga barang-barang yang ada sekarang ini tidaklah sama seperti apa yang kita fikirkan dalam masa tiga, empat tahun yang lalu kerana keadaan sehari demi sehari keperluan ini diperlukan dan harga barang telahpun makin melambung naik.

Apa yang saya katakan tadi, Tuan Yang Dipertua, anak-anak ini kita katakan di sini pelepasan cukai tadi daripada \$650 kepada \$750 dan tiga orang anak seterusnya ialah \$800. Jadi kalau kita ambil kira, jangan katakan \$800 ini untuk belanja setahun bagi seorang anak, semakin besar anak itu umurnya lebih banyak permintaannya, lebih banyak kemahuannya, tambahkan lagi kalau sudah naik umurnya 10 tahun dia akan minta beli basikal, dia tengok lagi yang lain ada permainan-permainan yang baru diperkenalkan di emporium dia akan minta belikan. Itu soal permainan sahaja kita belanja kepada kanak-kanak seorang, kalau dikirakan dalam setahun tidak kurang di antara \$400. Di antara umur anak itu mula lahir sehingga umur anak itu 10 tahun. Dan kalau kita kira anak itu pula masuk

daripada Tingkatan Satu masuk sekolah, sampai lulus ke universiti belanjanya \$23,000. Untuk meluluskan seorang anak ke University belanja \$23,000. Itu belum lagi membuat pelajaran lanjutan ke luar negeri. Ini patut diambil kira. Bagaimana kalau sekiranya bebanan ini tidak dapat dipikul oleh ibu-bapa, sedangkan tujuan kita ialah untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berguna. Dalam maksud berguna ini adalah lengkap dengan ilmu pengetahuan dan pelajaran (well-equipped education) dan sebagainya. Ini cita-cita kita. Kita tidak ingin melihat anak-anak kita, warganegara Malaysia kita bercirikan, kita mahu menjadikan rakyat Malaysia kita ini sebagai seorang rakyat yang disegani, yang dilengkapi dengan pengetahuan seperti mana jiran kita Singapura yang akan buat ini, akan buat supaya republik itu dapat melahirkan citizen yang lebih bermakna kepada republik itu sendiri. Ini juga memang ada dalam cita-cita negara kita dan semua negara-negara yang mempunyai cita-cita untuk kemakmuran pembangunan negaranya mesti mempunyai cita-cita untuk melahirkan warganegaranya yang mempunyai fikiran dan tanggungjawab yang berguna kepada negaranya.

Tuan Yang Dipertua, dengan adanya pelepasan cukai yang telahpun dibuat oleh Kementerian Kewangan ini, saya tidak bermaksud kalau dikatakan kata pepatah Melayu diberi betis mahu peha, sudah diberi peha mahu kepala, Kerajaan telahpun menurunkan cukai kita dengan begitu murah hati tetapi kalau kita kaji daripada segi pelepasan cukai anak ini tidak begitu munasabah.

Seperti yang saya katakan tadi tanggungjawab kepada seorang anak itu amat besar, untuk membesarkan seorang anak itu memanglah berat dan penuh tanggungjawab, tanggungjawab itu bererti wang ringgit. Seperti juga rancangan Kerajaan, tiap-tiap rancangan Kerajaan, tiap-tiap cadangan ertinya wang (suggestion means money).

Tuan Yang Dipertua, saya di sini ingin juga menyentuh soal pengecualian yang diberikan kepada seorang kakitangan dengan tambang cuti khas kepada satu perjalanan iaitu menurut Fasal 7 dalam Akta ini iaitu tidak begitu jelas sekali dalam maksud Akta ini kerana kalau kita hendak memberikan pelepasan cukai kepada syarikat-syarikat, kepada kakitangan mereka ini, dalam maksud Akta ini kakitangan. Adakah kakitangan ini dikatakan kakitangan dagang (expatriate), adakah dia kakitangan biasa di sesebuah syarikat dan mereka ini juga hendaklah menggunakan tiket yang dikeluarkan oleh syarikat penerbangan kebangsaan kita iaitu MAS. Jadi mereka boleh terbang dengan menggunakan tiket yang dikeluarkan oleh MAS tetapi kalau tidak silap saya di beberapa buah syarikat-syarikat penerbangan ada mempunyai perjanjian-perjanjian yang mereka ini boleh menggunakan pertukaran tiket di antara satu syarikat penerbangan dengan satu syarikat penerbangan. Yang lebih jelas lagi penerbangan Singapura dan penerbangan MAS. Saya boleh menggunakan tiket MAS dan saya boleh naik kapal terbang Singapura tanpa ditukar dan saya boleh naik QANTAS dengan menggunakan tiket kapal terbang MAS dan tiket itu boleh ditukar atau tidak ditukar kerana mereka boleh menghantar keratan tiket itu kepada MAS, mereka boleh ambil ini kerana ini terdapat dalam beberapa bentuk perjanjian udara di antara beberapa buah syarikat-syarikat penerbangan.

Saya tidak tahu di mana Sistem Penerbangan Malaysia ini mempunyai perjanjian tetapi mungkin yang dalam ramalan saya, mungkin Singapore Airlines, QANTAS, British Airways ini mempunyai aliran yang sama dengan kita. Mungkin di antara syarikat-syarikat penerbangan ini ada mempunyai perjanjian (agreement) penerbangan seperti ini kerana kita boleh menggunakan di antara tiket

tanker dan akan diubahsuai untuk menjadi kapal pengangkut barang-barang dagangan kita ke negara-negara di mana kita mempunyai hubungan perdagangan.

Jadi, Tuan Yang di-pertua, dalam pengecualian cukai ini, saya berharap supaya Kementerian jangan semata-mata hanya menitik beratkan kepada kapal-kapal yang besar sahaja, kapal-kapal yang boleh menyeberangi lautan — Pacific Ocean, Indian Ocean dan sebagainya, tetapi kita mesti juga mengambil kira kapal-kapal kecil yang ditakrifkan sebagai kapal Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, saya telah difahamkan oleh syarikat-syarikat kecil di Labuan — Labuan adalah sebuah pelabuhan — dan di sana banyak pengusaha-pengusaha kapal-kapal kecil seperti lighter, tug-boat, vessel dan sebagainya. Sebelumnya Akta ini dipinda, mereka itu adalah dikecualikan daripada cukai-cukai pendapatan, tetapi dengan adanya pindaan yang baru ini pula mereka ini telah dikenakan cukai.

Jadi yang mana mereka itu telah menerima bebanan cukai yang begitu tinggi, sehingga mereka terpaksa membayar hampir-hampir setengah juta ringgit, sedangkan mereka itu adalah pengusaha-pengusaha kapal-kapal kecil sahaja seperti barge, tug-boat, supply vessel, crew boat, lighter, fishing boat — itu yang kebanyakannya berlaku di sana dan Tug Boat-Tug boat ini juga, Tuan Yang Dipertua adalah lebih banyak juga digunakan di dalam sungai-sungai di Sabah dan di Sarawak kerana tug-boat inilah salah satu daripada jentera di air yang menarik kayu balak yang dipotong daripada hutan-hutan rimba di kedua-dua negeri itu untuk dibawa ke pelabuhan-pelabuhan untuk dieksport dan dibawa dinaikkan ke kapal-kapal besar dan terus dieksport ke negara-negara yang membelinya.

Jadi inilah, Tuan Yang Dipertua, kebanyakan pula tug-boat itu tidak semestinya dipunyai oleh seseorang

tokeh yang punya timber, yang punya kayu balak tetapi kebanyakan mereka itu dipunyai oleh orang-orang perseorangan, misalnya, mereka itu disewa sahaja dengan bayaran misalnya barangkali antara 2 sen — 3 sen tiap-tiap satu kaki. Walaupun dengar bunyi satu sen dan dua sen tetapi mereka boleh mendapat pendapatan yang lumayan sedikit dengan menarik kayu-kayu balak tetapi dengan adanya mereka itu dikenakan cukai dalam pindaan yang baru ini, mereka ini pula dikenakan membayar cukai, jadi saya khuatir mereka itu adalah lebih banyak kalau difikirkan terdiri daripada pengusaha-pengusaha kecil yang bukan punya modal-modal yang besar dan mereka ini mungkin juga tidak berkemampuan untuk membeli kapal yang seberat sehingga 10 — 20 ribu tan. Ini sekadar mereka boleh menggunakan Tug Boat-Tug Boat ini di dalam sungai-sungai sahaja. Jadi, saya berharap supaya Kementerian Kewangan akan mengkaji dalam soal ini dengan mengenakan sekadar cukai yang berpatutan yang difikirkan sesuai oleh Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka lagi menyentuh soal Fasal 19 dengan tujuan meminda perenggan 32 royalti daripada karyawan yang mana saya menyokong cadangan Kerajaan ini yang mengenakan royalti daripada tiga ribu sekarang dinaikkan enam ribu ringgit.

Jadi dengan itu, Tuan yang Dipertua, apa yang pernah dibangkitkan dalam Dewan ini juga, kita masih banyak kekurangan buku-buku teks dan di negara kita ini sendiri masih banyak kita kekurangan buku-buku bahan bacaan, baik buku novel dan sebagainya kerana kita kehilangan banyak karyawan-karyawan yang sudah pergi dan juga kita kurang penterjemah-penterjemah. Jadi dengan adanya galakan Kerajaan seperti ini, saya percaya mungkin ramai yang akanambil mengusahakan kerjasama mereka sebagai karyawan, sebagai penterjemah dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, kalau kita lihat dan kita kaji daripada bilangan pertumbuhan murid-murid sekolah kita bertambah dari tiap-tiap tahun dan demikian pula apa yang telah diberitahu di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang Dipertua, kita terpaksa mengeluarkan seramai 6,000 orang guru tiap-tiap tahun, maka tiap-tiap satu penggal perancangan lima tahun kita, bererti kita berkehendakkan 30,000 orang guru dan 30,000 orang guru itu juga memerlukan bahan-bahan rujukan untuk mereka menjadikan mereka itu sebagai seorang pendidik. Jika bahan-bahan rujukan buku-buku itu tidak mencukupi di negara ini juga, ini akan menjadi sebagai satu faktor yang akan menyebabkan kekurangan bahan-bahan pendidikan yang diperlukan di dalam negara kita.

Jadi, selaras dengan dasar Kementerian untuk menaikkan cukai royalti ini daripada 3 ribu ringgit kepada 6 ribu ringgit, saya percaya dengan pandangan daripada Kementerian Kewangan begitu jelas sekali, begitu jauh yang selaras dengan pembangunan negara dan selaras dengan apa juga cita-cita negara, saya menyokong penuh fasal yang tersebut, Tuan Yang Dipertua. Jadi saya berharap lebih ramai penulis-penulis di negara kita ini, penterjemah-penterjemah di negara kita ini akan dapat melahirkan lagi buku-buku karya mereka dari masa ke semasa.

Kalau tidak silap saya, Tuan Yang Dipertua, di dalam zaman saya muda-muda lagi, saya gemar mengikuti buku terjemahan Ahmad Boestaman. Saya hairan yang beliau itu sungguh dapat menterjemahkan buku-buku yang diterbitkan di negara-negara barat tetapi yang kebanyakan buku-buku yang diterjemahkan oleh beliau itu adalah lebih banyak buku yang berasaskan kepada politik. Jadi dengan adanya terjemahan beliau dapat mengisi di zaman itu, dalam zaman kekurangan, zaman belum banyak orang-orang kita

yang mempunyai perasaan seperti Ahmad Boestaman yang sanggup mengeluarkan buku-buku yang bertemakan politik pada waktu itu, sehingga buku-buku barat dapat diterjemah dan disalurkan menurut cara ala politik di negara ini. Jadi inilah juga, Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu banyak penulis-penulis kita yang terdahulu daripadanya, saya sudah terlupa lagi mereka kita mungkin sudah menjadi penulis, saya baru berada dibangku sekolah lagi di antara Darjah 1, Darjah 2 Sekolah Melayu. Tetapi, walau macam manapun, saya menyokong atas cadangan Kementerian Kewangan bagi menaikkan royalti ini supaya apa yang saya maksudkan tadi lebih ramai penulis-penulis kita, penterjemah-penterjemah kita akan dapat mengisi kekosongan dalam buku-buku teks, novel dan penterjemahan dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, di sini juga saya ingin membawa perkara yang akhir sekali ialah mengenai Fasal 61 yang bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta untuk menghapuskan pemotongan yang diberikan kerana perbelanjaan menguruskan mayat dan juga Akta untuk menaikkan had pengecualian daripada \$600,000 kepada \$2 juta dalam hal seseorang yang mati dan berdomisil di Malaysia. Ini juga, Tuan Yang Dipertua, saya harap dengan kenaikan seperti ini daripada \$600,00 pada hari ini harga-harga rumah di negara kita ini boleh dikatakan mahal. Saya tidak berani untuk mengatakan harga-harga rumah yang dikatakan murah.

Walaupun ada dalam sebulan dikatakan harga rumah murah, rancangan rumah murah. Kalau rancangan rumah murah, harga \$40,000, \$50,000 itu sudah tidak termasuk dalam golongan rumah murah kerana bayaran dalam 20 tahun akan mengambil kira antara \$350.00 sebulan. Kepada mereka yang berpendapatan \$500.00 — \$700.00 sebulan, tidak mampu untuk mendapatkan sebuah rumah murah

kalau mereka kena bayar \$350 sebulan, mengambil kira untuk menjelaskan selama 20 tahun. Tuan Yang Dipertua, \$600,000 ini memiaglah saya fikirkan juga tidak lagi kebanyakan orang-orang kita yang mempunyai rumah yang begini murah, mempunyai nilai harga yang begini. Dengan harga yang ditafsirkan sebanyak \$2 juta ini juga tidak banyak mungkin tidak sampai kepada 25% orang-orang kita Malaysia yang mempunyai rumah perseorangan yang bernilai \$2 juta.

Walau macam manapun, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong perkara ini kerana dikhuatirkan ada setengah-setengah orang kita, keluarga yang bernasib baik yang mempunyai rumah bernilai \$2 juta dan mereka hidup aman damai sekeluarga tetapi tiba-tiba bila si ayah meninggal, isteri dan anak tidak tahu untuk menguruskan bagaimana mengendalikan harta rumah yang ditinggalkan yang bernilai \$2 juta dan bagaimana untuk membuat tuntutan dan sebagainya. Bila cukai pusaka dikenakan terlalu tinggi, sudah tentu mereka ini tidak dapat menjelaskan. Banyak bukti yang telah ada, sehingga mereka ini mengambil jalan yang pendek, mengambil jalan yang singkat sahaja menjualkan sahaja rumah ini, atau menjualkan sahaja tanah-tanah mereka dan mereka terpaksa membeli rumah-rumah di dalam kawasan perumahan-perumahan yang lain. Inilah satu-satunya apa yang terjadi kepada keluarga pada mulanya mereka termasuk di dalam golongan-golongan orang yang bernasib baik tetapi oleh kerana bebanan cukai harta pusaka yang hendak dibayar ini menjadikan sebab bebanan maka mereka bertukar corak menjadi satu masyarakat yang sebagai seorang kehilangan harta pusaka dengan sekelip mata di dunia ini. Saya berharap, Tuan Yang Dipertua, sepertimana saya katakan memiaglah tidak ramai yang mereka mempunyai rumah yang bernilai \$2 juta tetapi itu barangkali pendapat sayalah. Barangkali mungkin Kerajaan berpendapat.

Kalau pun ada, rakyat kita sehingga 30%, 50% di negara ini mempunyai rumah dan harta pusaka sebanyak \$2 juta, kita mengucapkan dan menadahkan tangan kita ke langit dan bersyukur Alhamdulillah, kerana itulah pertanda-pertandanya bahawa rakyat kita duduk dalam keadaan sebuah negara yang aman dan makmur dan mempunyai kedudukan yang istimewa, maka ini kita bersyukur juga atas bijaksana pemimpin-pemimpin kita dari awal sampai kepada hari ini mereka telah dapat memberikan taraf hidup yang lebih baik kepada rakyat kita. Ini kita bersyukur.

Saya juga berpendapat, Tuan Yang Dipertua, dengan cukai harta pusaka ini daripada \$600,000 dinaikkan kepada \$2 juta maka saya berharap supaya mereka yang mempunyai rumah bernilai \$2 juta tidak akan ragu-ragukan dan tidak akan takut-takut kalau di bawah daripada \$2 juta mereka tidaklah akan berebut harta di antara waris-waris mereka.

Dan juga Tuan Yang Dipertua, mengenai potongan belanja pengurusan si mati. Bagi orang-orang Islam, saya fikir biasanya pengurusan mati ini tidaklah diambil kira kerana sudah menjadi satu kelaziman bagi orang-orang Islam apabila kita mendengar sahaja ada orang-orang kita yang meninggal atau jiran-jiran kita, mestilah kita datang dengan membawa sedekah, baik barang, benda atau wang ringgit yang menjadi kelazimannya.

Tidak ada yang kita menyusahkan kepada si mati melainkan kita cuba menolong keluarga si mati tadi. Maka pada saya Tuan Yang Dipertua, tidak ada membuat sebarang apa teguran mengenai cukai bagi pengecualian bagi pengurusan mayat ini saya tidak akan membuat sebarang komen kerana ini memang sudah menjadi cara hidup kepada masyarakat Islam iaitu saling bantu-membantu kepada mereka yang mendapat kesusahan.

Tuan Yang Dipertua, mereka yang tidak berdomisil di Malaysia, mereka ini

juga telah dinaikkan daripada \$120,000 kepada \$400,000. Dalam hal ini juga saya percaya mungkin kerana dengan nilai yang begitu tinggi mungkin mereka ini masih lagi sebagai seorang warganegara Malaysia ataupun bukan ataupun pernah menetap tinggal di Malaysia tetapi mereka ingin membeli rumah-rumah di Malaysia. Walaupun mereka tidak tinggal di sini tetapi mereka ini sebagai menanamkan sebahagian daripada modal mereka di negara kita ini berdasarkan kerana nilai yang kita berikan itu ialah sebanyak \$400,000. Inilah percaya Tuan Yang Dipertua, dengan adanya galakan seperti ini saya berharap lebih ramai mereka yang tidak berdomisil itu ataupun tidak duduk atau tidak tinggal di negara ini akan membuat pelaburan-pelaburan harta. Ini sebahagian daripada pelaburan-pelaburan harta yang mereka buat membeli rumah-rumah yang ada di negara kita.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak akan mengambil masa yang lebih panjang dan di sini saya tidak ada apa-apa lagi pandangan dan cadangan selain daripada teguran-teguran daripada kelmarin dan hari ini. Saya berharap kepada Kementerian Kewangan dan juga Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang ini akan mengambil sedikit sebanyak teguran-teguran yang telah saya buat untuk dijadikan sebahagian daripada panduan kepada Yang Berhormat Menteri.

Maka dengan itu, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang Kewangan 1984 dan terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, jemput.

5.09 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, pertamanya saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima

kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian bagi membincangkan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita. Segala pandangan-pandangan dan saranan-saranan telah dicatat di mana ianya dapat dipraktikkan maka Kementerian Kewangan akan mempraktikkan. Di mana cadangan itu agak sukar hendak dipraktikkan segera maka kajian-kajian akan dibuat dan kalau sekiranya selepas itu didapati dapat dipraktikkan, Insya Allah, kita akan laksanakan.

Tuan Yang Dipertua, saya cuma ingin memberi pandangan-pandangan sebagai jawapan terhadap beberapa perkara tertentu sahaja. Pertamanya, Yang Berhormat Senator Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor semalam kalau tidak salah pendengaran saya mengatakan bahawa mereka terpaksa membayar setem dua kali ganda dari segi berkaitan dengan Financing Facility Agreement kalau sekiranya menggunakan Bank Islam. Saya tidak begitu faham mengapa perkara ini berlaku barangkali ada sedikit kesilapan sebab dari segi perundangan sebenarnya seseorang itu hanya membayar sekali sahaja duti setem bagi sesuatu suratcara. Walaupun suratcara itu ada kaitannya dengan Bank Islam malah bagi semua suratcara-suratcara setem hanya sekali barangkali kalau lebih mahal setem ini seperti kita tahu adalah berdasarkan kepada nilai sesuatu perkara yang kita hendak tandatangani.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah ada menyokong tentang cukai pendapatan dan mengaitkan dengan penduduk 70 juta. Saya cuma terperanjat sedikit sahaja sebab beliau bersetuju Kerajaan mengadakan penduduk sebanyak 70 juta dalam tahun 2,015, saya rasa ini agak sukar sebab Kerajaan tidak pernah mengatakan dalam tahun 2,015 kita ada 70 juta. Kalau tidak silap saya pernah memperkatakan 70 juta ini dalam jangka masa 115 tahun, maknanya 115

ini lambat lagi. Kalau kita tidak buat beria pun penambahan penduduk ini kalau 115 sampai juga 70 juta, kerana kadar kenaikan penduduk sekarang 2.3/2.5 tetapi kalau kita usaha lebih sedikit lagi kurang tengok TV barangkali, mungkin target ini kita boleh dapat cepat sedikit itu sahaja. Tetapi tahun 2,015 barangkali sukar kecuali kita mengimport orang yang sudah besar.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat Senator ini telah menyebut tentang cukai pendapatan. Ini kita ingin menerangkan sedikit bahawa dari segi Kementerian Kewangan pengurangan yang dibuat daripada 55% yang paling tinggi kepada 40% nanti setelah perundangan ini ataupun undang-undang ini diluluskan adalah dengan tujuan supaya menggalakkan rakyat Malaysia ini bekerja kuat. Dengan tujuan juga supaya mereka yang mempunyai pendapatan yang tinggi ini akan menggunakan wangnya dengan lebih produktif lagi, satu daripada tujuan.

Tujuan kedua, ialah juga supaya memberi galakan kepada rakyat negara untuk bekerja kuat bagi menambah pendapatan yang berkenaan. Selain daripada itu juga sekarang ini seperti yang kita ketahui cukai pendapatan melalui syarikat-syarikat hanyalah dikenakan paling tinggi ke paras 40%. Mereka yang mendapat pendapatan yang lebih daripada paras di mana cukainya dikenakan lebih 40% boleh malah ada yang berbuat bagi mengelakkan penambahan cukai daripada 40% kepada 50% dengan menubuhkan syarikat-syarikat.

Walaupun dari segi sepatutnya ramai mereka yang kena membayar 55% tetapi oleh sebab adanya undang-undang di mana cukai pendapatan syarikat hanya dikenakan kepada 40% paling maksima mereka ini menggunakan cara ini untuk mengurangkan cukai pendapatannya. Kalau tidak silap saya

hanya kira-kira 5,000 orang sahaja rakyat kita yang membayar cukai ke paras 55%. Maka itu daripada kita menubuhkan keadaan-keadaan seperti ini maka kita fikir lebih baiklah kita menyamakan cukai pendapatan itu sama dengan cukai pendapatan melalui syarikat-syarikat supaya tidak timbul lagi keraguan mana-mana pihak dan dengan ini juga kita berharap wang yang boleh digunakan setelah cukai diturunkan daripada 55% kepada 40% mereka ini bolehlah melabur lagi dan dengan cara ini juga menambahkan produktiviti negara pada keseluruhannya.

Kita juga seperti yang telah dicadangkan bahawa bagi mereka yang membayar cukai di peringkat \$2,500 pertama \$2,500 kedua telah dikurangkan 1% masing-masing. Ini juga sebenarnya walaupun hanya 1% tetapi banyak yang membayar malah semua yang membayar cukai sama ada dia membayar hingga kepada paras 55% ataupun tidak sampai begitu tetapi tiap-tiap seorang yang membayar cukai pada permulaannya mesti melalui peringkat \$2,500 pertama, tiap-tiap orang yang membayar cukai akan membayar kadar itu juga.

Kita fikir kadar ini banyak yang akan terlibat dan kalau sekiranya kita terpaksa mengurangkan lebih daripada itu barangkali Kerajaan terpaksa mengorbankan banyak wang, banyak mengorbankan dari segi hasil Kerajaan, maka itu kita fikir buat kali ini 1% memadai. Dan bagi mereka yang tidak mempunyai pendapatan hingga ke peringkat di mana mereka terpaksa membayar cukai, itu terus langsung tidak ada hal sebab dia tidak bayar. Jadi, kalau tidak bayar, tidak menjadi masalah. Bagi mereka yang berpendapatan rendah misalnya tidak kena bayar cukai sedikit pun.

Kita fikir ini adalah satu cadangan yang amat munasabah menguntungkan kepada mereka yang berpendapatan di peringkat rendah dan juga bagi mereka yang berpendapatan tinggi. Dan kalau

sekiranya ada yang membayar 55% pada ketika ini tetapi tidak suka diturunkan kepada 40%, alhamdulillah, sedekahkanlah duit lebih itu kepada beberapa badan-badan tertentu.

Tuan Yang Dipertua, saya juga hendak menyentuh sedikit tentang pelepasan yang mana Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar dari Labuan tadi menyebut tentang pelepasan yang tidak cukup sebab mengikut Ahli Yang Berhormat, untuk memberi pelajaran hingga ke universiti bagi seseorang anak itu berjumlah hingga \$23,000. Kita harus faham bahawa yang kita bagi \$650 bagi anak pertama, \$750 bagi anak kedua, \$800 bagi anak ketiga, keempat dan kelima ini adalah pelepasan, ini pelepasan ertinya adalah satu privilege. Kita faham bahawa barangkali \$650 bagi anak pertama tidak cukup memberi sebagai saraannya bagi satu tahun tetapi ini adalah pelepasan yang tidak perlu dibayar cukai pendapatan terhadapnya. Anak yang kita buat maka terpaksa kita tanggung dari segi pembiayaannya, tidak kiralah pelepasan ada ataupun tidak. Tetapi ini cuma sebagai satu ehsan daripada Kerajaan memberi pelepasan-pelepasan, malah pada tahun ini juga kita telah mengubah, kalau dahulunya anak pertama lebih daripada anak yang kelima, sekarang ini anak yang pertama kurang daripada anak yang kelima. Ertinya, secara tidak langsung juga ini menggalakkan kita mempunyai anak yang lebih daripada satu. Tetapi soalan mengapa tidak diberi kepada anak yang keenam kalau kita menggalakkan anak yang banyak, itu saya tidak dapat hendak jawablah! Barangkali sedang eloklah kalau sekiranya anak itu cukup setakat 5, kalau sekiranya ada 6 barangkali kita terpaksa tidak mendapat pelepasan-pelepasan berkenaan dengan cukai pendapatan ini.

Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din juga telah meminta penjelasan

tentang orang yang mempunyai 2 isteri yang mana anaknya lebih daripada 5 sebab mempunyai 2 isteri. Sebenarnya, soal isteri ini tidak timbul kalau kita memikirkan tentang anak. Isteri seorang pun boleh anak 12; isteri 4 pun boleh anak 1 ataupun anak 4. Jadi kalau kita membincangkan tentang pelepasan bagi anak, kita jangan kaitkan dengan isteri, tidak semestinya ada isteri itu mesti ada anak. Cuma kalau sekiranya seseorang itu beristeri 2, ataupun 3, ataupun 4, bagaimana caranya kita hendak mengira tentang cukai pendapatan.

Pertama sekali kita boleh, jikalau mahu, pendapatan keluarga itu dikumpulkan, kemudian dikira daripada keseluruhannya. Ini banyak juga orang yang buat, pendapatan isteri dan suaminya dipersatukan, kemudian dikira cukai daripada itu. Tetapi diperbolehkan pendapatan si suami dan pendapatan si isteri atau si isteri-isteri ditaksirkan mengikut secara individual, dengan izin. Jadi tidak menjadi soal sama ada seseorang itu mempunyai 1 isteri ataupun 2 isteri, cuma pelepasan anak, saya sekali lagi menjelaskan di sini, kalau yang paling baik sekali, adalah termasuk di bawah pelepasan si suami untuk menyenangkan pengiraan sahaja.

Satu lagi, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Din merasa kesal ataupun meragukan mengenai cukai, sama ada mereka yang datang dari luar, bekerja di negara ini, membayar cukai ataupun tidak kepada Kerajaan kita. Sebenarnya Kerajaan ataupun Kementerian Kewangan melalui Jabatan Hasil Dalam Negeri mengenakan cukai-cukai pendapatan ini bukan hanya kepada warganegara Malaysia. Pekerja-pekerja dari luar negeri seperti dari negara-negara jiran kita yang bekerja di negara kita juga dikenakan cukai. Untuk mengatasi kemungkinan larinya seseorang pekerja dari luar membayar cukai, maka majikan-majikan yang mengambil pekerja-pekerja ini

dikehendaki mengemukakan keterangan-keterangan mengenai pekerja-pekerja yang berkenaan termasuk juga mereka yang datang dari luar ini, pekerja-pekerja dari luar negara asing. Ini akan dibuat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dengan menghantarkan borang-borang pendapatan kepada majikan-majikan dan pekerja-pekerja berkenaan.

Bagi mereka yang menjalankan perniagaan, ada disebutkan orang-orang Nepal yang datang ke mari yang membuat perniagaan menjual permata, menjual minyak dan sebagainya, ini juga dapat diketahui kerana mereka yang menjalankan perniagaan ini memerlukan lesen-lesen dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Maka melalui maklumat-maklumat ini bolehlah kita mengesan pendapatan mereka ini dan Jabatan Hasil Dalam Negeri sentiasa mengesan ke atas mereka yang membuat sebarang apa juga perniagaan.

Maka dengan cara ini kita fikir sebanyak yang boleh, walaupun seseorang itu datang dari luar negeri bekerja di sini ataupun berniaga, mereka akan dikenakan cukai-cukai pendapatan, malah mereka ini dikenakan cukai pendapatan sama jugalah dengan rakyat negara ini sendiri.

Berkenaan dengan derma yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din tadi seperti derma Hari Kebangsaan, Pesta Pulau Pinang dan sebagainya, inginlah saya memaklumkan bahawa mengikut Seksyen 44(6) ada mengatakan bahawa derma-derma kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri boleh dikecualikan dari cukai. Oleh itu, sekiranya dermawan-dermawan membuat sumbangan kepada Kerajaan tidak kira untuk perayaan Hari Kebangsaan ataupun lain-lain Pesta yang dianjurkan oleh Kerajaan, mereka akan layak mendapat pengecualian cukai ke atas sumbangan-sumbangan yang dibuat itu.

Itu sahajalah, Tuan Yang Dipertua, yang dapat saya ulas serba sedikit tentang perkara-perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Seperti yang saya katakan tadi kalau sekiranya terdapat perkara-perkara yang telah dikemukakan tetapi tidak disentuh oleh saya, percayalah bahawa semua ini telah dicatatkan dan tindakan-tindakan mengkaji perkara-perkara ini akan dibuat dan seperti saya katakan juga di mana cadangan-cadangan dan saranan-saranan ini dapat dipraktikkan, maka kita akan praktikkan sewajarnya.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI
PEMINDAHAN SYER
(SYARIKAT BERASASKAN TANAH)**

**Bacaan Kali Yang Kedua
dan Ketiga**

5.34 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan, pentaksiran dan pemungutan cukai atas pelupusan syer-syer dalam syarikat berasaskan tanah dan perkara-perkara yang bersamping dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Akta ini dibahagikan kepada lapan bahagian. Bahagian satu Akta ini mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja. Bahagian Kedua, iaitu Fasal-fasal 3 hingga 8 adalah mengenai pengenaan cukai pemindahan syer khususnya Fasal 4 iaitu mengenai pengenaan cukai ke atas nilai tiap-tiap pelupusan syer dalam syarikat yang berasaskan tanah yang tidak disenaraikan dalam pasaran saham di mana pelupusan syer itu bernilai \$1 juta atau lebih atau di mana pelupusan syer itu dilakukan dalam tempoh 12 bulan antara satu-satunya dengan nilai pada agregednya mencapai \$1 juta atau lebih. Fasal 6 pula adalah menetapkan cukai in dikenakan pada kadar yang ternyata di Jadual 1 iaitu 10% ke atas nilai pasaran kasar pelupusan syer.

Tuan Yang Dipertua, Bahagian 3 yang mengandungi Fasal-fasal 9 hingga 19 membuat peruntukan-peruntukan mengenai penyata dan taksiran. Penyata-penyata yang berasingan hendaklah diserahkan oleh penjual dan pembeli syer dalam masa satu bulan dari tarikh penjualan syer. Kuasa untuk mentaksir adalah diberi kepada Ketua Pengarah di bawah bahagian ini.

Tuan Yang Dipertua, Bahagian 4 pula adalah mengandungi Fasal-fasal 20

hingga 29 mengenai orang-orang yang boleh dikenakan cukai. Fasal 20 ialah meletakkan tanggungjawab membayar cukai ke atas orang yang menjual syer dan dalam hubunga ini syer yang dipunyai oleh isteri seseorang individu itu adalah disifatkan dipunyai oleh individu tersebut. Untuk mengatasi pengelakan cukai, Fasal kecil 23 mencadangkan supaya syer yang dipegang oleh seseorang saudara hasil dari penyelesaian, disifatkan syer saudara penyelesai melainkan syer yang dipegang sedemikian oleh saudara itu dilupuskan selepas 5 tahun dari tarikh penyelesaian, Fasal-fasal lainnya berikut hingga ke Fasal 29 adalah semuanya berkaitan dengan orang-orang yang boleh dikenakan cukai.

Bahagian 5 mengandungi Fasal-fasal 30 hingga 38 yang membuat peruntukan mengenai pembayaran cukai khususnya Fasal 31, cadangan membawa cukai dibawa atas penyerahan notis taksiran sama ada rayuan dibuat atau tidak. Fasal 33 pula memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membenarkan pembayaran cukai secara ansuran. Di bawah Fasal 34, satu penalti sebanyak 10% dikenakan ke atas cukai belum dibayar dalam 30 hari dari notis taksiran.

Fasal 31(1) pula memerlukan pembeli syer untuk memotong cukai pada kadar semasa iaitu 10% dari amoun kasar pembelian itu mencapai \$1 juta atau lebih. Pembelian mestilah dalam masa 30 hari dari tarikh pembayaran menyerahkan jumlah wang itu kepada Ketua Pengarah.

Bahagian 6 iaitu Fasal-fasal 39 dan 40 pula adalah mengenai penilaian syer khususnya Fasal 39(1) menetapkan bahawa nilai syer pada tarikh pelupusan ialah nilai kasar pasaran.

Tuan Yang Dipertua, Bahagian 7 iaitu Fasal-fasal 41 hingga 59 menghuraikan peruntukan-peruntukan berkenaan dengan kuasa-kuasa

penyiasatan Ketua Pengarah dan penalti-penalti kerana memberi penyata yang tidak betul. Kesalahan melarikan cukai dengan sengaja akan dikenakan denda tidak melebihi \$10,000 atau penjara tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya dan satu penalti khas sebanyak tiga kali amoun cukai yang mungkin dikenakan jika tidak kerana kesalahan melarikan cukai dengan sengaja.

Tuan Yang Dipertua, akhir sekali, Bahagian 8 iaitu Fasal-fasal 60 hingga 74 adalah mengenai peruntukan-peruntukan berhubung dengan pentadbiran cukai. Akta ini mempunyai 2 Jadual. Jadual 1 adalah mengenai kadar cukai dan Jadual 2 pula mengenai pengecualian-kecualian cukai.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan, pentaksiran dan pemungutan cukai atas pelupusan syer-syer dalam syarikat berasaskan tanah dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.40 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984. Cukai ini adalah cukai baru dan saya percaya bahawa cukai ini adalah satu ara untuk menambah alat yang ada di Perbendaharaan untuk meningkatkan lagi hasil perbendaharaan negara.

Dengan adanya sumber daripada cukai ini maka bertambahlah hasil untuk Perbendaharaan.

Satu lagi sebab yang mungkin difikirkan bahawa cukai ini wajar ialah untuk meminimumkan spekulasi dalam sektor perniagaan yang berasaskan kepada tanah.

Tetapi dalam konteks keadaan ekonomi negara sekarang di mana kita dapati bahawa perniagaan di sektor yang berasaskan kepada tanah dan hubungannya dengan industri pembinaan rumah adalah tidak menggalakkan sekali, maka yang dipersoalkan di sini ialah sama ada ianya tepat dari segi masa.

Yang kita dapat lihat daripada Rang Undang-undang ini ialah kita dapati syarikat-syarikat yang disenaraikan dikecualikan daripada cukai ini. Oleh yang demikian, syarikat-syarikat yang tidak disenaraikan lagi adalah yang dimaksudkan oleh cukai ini, ini bermakna bahawa pengusaha-pengusaha yang di peringkat pertengahan dan di peringkat kecil akan menjadi sasaran kepada cukai ini. Dan apabila kita lihat golongan pengusaha yang berasaskan kepada tanah adalah dalam golongan pertengahan dan kecil maka besar kemungkinan sasarannya adalah terhadap golongan pengusaha-pengusaha bumiputera.

Oleh kerana keadaan di sektor tersebut adalah begitu lembab, jual beli rumah adalah pada peringkat yang mendatar maka timbul masalah yang mendesak terhadap mereka yang mengusahakan perniagaan yang berasaskan kepada tanah. Ada di antara mereka yang dipercayai terpaksa membuat pinjaman daripada bank-bank pada kadar yang tinggi dan jumlah yang banyak untuk memiliki tanah-tanah tersebut dan seterusnya diusahakan dan oleh kerana keadaan ekonomi di sektor tersebut dikatakan lembab maka pengusaha-pengusaha tersebut sekarang

sedang menghadapi satu dilema yang begitu mendesak sekali.

Ada di antara mereka yang terpaksa menghadapi pilihan sama ada hendak menjualkan saham-saham syarikat-syarikat mereka supaya dapat mengelakkan daripada terbengkalai perniagaan mereka. Walhal pihak bank mengharapkan supaya mereka yang meminjam itu terus dapat membayar pinjaman mereka. Ada pula dikatakan bahawa pengusaha-pengusaha tersebut kalau pun ia dapat menjual syarikat mereka, besar kemungkinan untung yang didapati dibatalkan dengan adanya cukai tersebut. Dan yang lebih mendesak ialah pembayaran cukai itu dikatakan, kalau tidak silap saya, mestilah dibayar dalam jangka masa 30 hari.

Tuan Yang Dipertua, yang menjadi kemusykilan tentang Rang Undang-undang ini ialah pada pendapat saya dari segi sama ada ianya adalah, dengan izin, "most opportune time" untuk diketengahkan. Sungguhpun begitu saya percaya bahawa pihak Kementerian mempunyai kelonggaran, mempunyai peruntukan dalam Rang Undang-undang ini untuk menimbang kes-kes yang mempunyai masalah yang mendesak. Dan saya percaya dengan adanya peruntukan tersebut maka pihak Kementerian akan mentadbirkan perkara ini dengan sewajarnya.

Itulah sahaja pandangan saya mengenai Rang Undang-undang ini, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah.

5.45 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun ingin mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan Rang Undang-undang Cukai Pemindahan

Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984 di mana sebentar tadi telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang meliputi VIII Bahagian di dalam Rang Undang-undang Pemindahan Syer ini yang telahpun diterangkan satu persatu.

Saya mengucapkan terima kasih, tahniah di atas usaha dan pandangan daripada Kementerian Kewangan supaya cukai-cukai, wang-wang daripada syarikat-syarikat yang selama ini banyak melarikan cukai-cukai mereka, khasnya tentang pemindahan syer tanah yang berlaku setiap masa, sehinggakan pihak Kerajaan susah untuk mencari jalan dan mengesan kerana mereka ini sungguh bijak menjalankan usaha bagi mengelakkan cukai untuk dibayar.

Begitu juga pemindahan daripada syarikat-syarikat mereka kepada orang lain dengan senyap-senyap untuk kepentingan syarikat itu; tanah-tanah ini beralih ke tangan orang lain. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan tidak mendapat sesen pun daripada cukai-cukai hasil jualan di antara sesama mereka secara perundangan ini.

Saya berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini saya mengucapkan terima kasih selagi-lagi.

Berhubung dengan Fasal 48 yang dinyatakan ialah berkenaan "lebih serius penalti seorang yang melarikan dengan sengaja, jika disabitkan denda tidak melebihi \$10,000."

Saya rasa denda \$10,000 ini, Tuan Yang Dipertua, begitu kecil sangat kerana Tuan Yang Dipertua sedia maklum dengan penjualan tanah di Kuala Lumpur ini dan di mana-mana pun tidak ada harga lagi yang begitu murah. Kalau satu-satu bidang tanah 40-50 ekar, bukan lagi dengan tukar syer dan sebagainya tetapi \$1 juta, \$2 juta malahan berbelas-belas juta ringgit. Oleh itu dengan penalti yang dikenakan

\$10,000 dan penjara 3 bulan rasa saya terlampau kecil sangat. Kalau boleh diperketatkan lagi supaya mengelakkan mereka ini dari melarikan cukai yang dikehendaki oleh Kerajaan dan merugikan negara kita seperti masa yang telah sudah.

Begitu juga dikatakan penalti khas sebanyak tiga kali amaun cukai yang mungkin dikenakan jika tidak kerana kesalahan melarikan cukai dengan sengaja.

Masalah melarikan cukai dengan sengaja ini memang sengaja dibuat. Kalau tidak memang dia tidak larikan. Dengan sengajalah sebab dia larikan.

Oleh itu, Fasal 48 ini saya menekankan supaya pihak Kerajaan lebih berhati-hati dalam masalah sekarang, lebih-lebih lagi dalam soal tanah dalam negara kita ini amat berharga sekarang ini. Lebih-lebih lagi di Kuala Lumpur, di pekan-pekan besar, projek-projek perumahan dan sebagainya kerana mereka ini begitu pandai melarikan cukai ini sehingga kita tidak dapat mengesannya.

Begitu juga dalam Fasal-fasal ini kita telah dapat Ketua Pengarah di Bahagian VIII. Fasal 60 menetapkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri mempunyai jagaan dan pengurusan cukai pemindahan syer. Fasal 62 membenarkan Ketua Pengarah dan seterusnya di Bahagian VIII ini, saya harap pegawai-pegawai yang bertugas ini juga nanti supaya dapat menjalankan usaha yang lebih. Kita tidak mahu bak kata Pepatah Melayu "Harapkan pagar, pagar makan padi".

Dalam masalah ini kadang-kadang ada timbul perkumpulan ataupun perkongsian yang dilakukan dalam soal ini yang mana cukai ini tidak dapat dikesan kerana mereka ini juga ada habuan yang mereka dapat sehingga perkara-perkara ini tidak dapat dikesan oleh pihak Kerajaan.

Oleh itu, dalam masalah ini pegawai-pegawai yang berkenaan kita berharap supaya dapat menjalankan tugas dengan terus menerus untuk 'kepentingan bangsa dan negara seperti slogan "Bersih, Cekap dan Amanah" yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya tidak ada manusia-manusia yang berselindung masalah ini menjadi kaya dengan melarikan cukai yang sepatutnya dibayar kepada Kerajaan.

Soal yang lain ialah berkenaan dengan pengecualian:—

1. Pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai dalam syarikat berasaskan tanah dengan cara hadiah di antara suami dan isteri atau isteri-isteri atau di antara ibu bapa dan anak atau di antara ninda dan cucu.
2. Pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai syarikat berasaskan tanah dengan cara penurunan kepada benefisiari-benefisiari atas kematian seseorang individu.

Dalam masalah ini, saya mengucapkan terima kasih juga kerana pada masa yang lalu memanglah pelepasan cukai-cukai ini masih dikenakan, kadangkala apabila seseorang individu telah meninggal dunia menjadilah satu perselisihan atau pergaduhan di antara anak, jikalau mereka itu ada isteri dua ataupun tiga, berebut-rebut tanah yang sedikit sehinggakan tidak dapat dan bertahun-tahun menjadikan masalah ini. Tetapi dengan adanya pengecualian ini, rasa saya boleh diperbincangkan dengan cara-cara Islam mengenai tanah-tanah atau apa yang ada seperti harta-harta peninggalan si mati dapat diberi, dengan tidak ada dikenakan apa-apa cukai daripada pihak Kerajaan.

Masalah ini terutamanya kepada orang Melayu sendiri, bumiputera yang mana kita faham tidak mempunyai begitu banyak harta, hanya sedikit, kadangkala harta orang Melayu, isteri

yang lebih banyak, bila lebih banyak maka timbullah harta sedikit isteri banyak, anak banyak sehinggakan masalah ini timbul. Kadangkala mereka telah meninggal dunia apa yang didapati sebagai saguhati, daripada apa-apa perkhidmatan daripada Kerajaan kemungkinan duit itu akan habis sahaja di masa-masa yang lalu untuk membayar cukai itu dan ini sehinggakan tidak ada tinggal lagi dan yang tinggal menyusahkan iaitu anak isteri serta keluarga.

Tuan Yang Dipertua, saya tidaklah ada hendak menyentuh yang lain-lain, hanya itu sahaja yang saya pandang supaya masalah-masalah ini dapat dipandang dengan serius, tak usah kita buat undang-undang sahaja, tetapi masalah bermaharajalela berlaku, kerana ini pihak peniaga tentu pandai, begitu licin menjalankan perniagaan mereka, sehingga kita tidak dapat kesan akan apa yang berlaku untuk melarikan cukai-cukai pendapatan ini, yang mana cukai-cukai pendapatan jualan tanah terutamanya ini tadi dapat dilarikan, ini membolehkan kekayaan kepada seseorang individu untuk menjual tanah ini tanpa memberi apa-apa dan dapat dikesan oleh pihak Kerajaan.

Dalam Rang Undang-undang ini juga implikasi kewangan dikatakan bahawa ia akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan dengan cara kakitangan tambahan dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri, yang hukumnya tidak dapat ditentukan sekarang. Ini juga kita harus perhatikan sebab ini tidak dapat kepada umum, dinyatakan berapakah perbelanjaan kakitangan akan ditumpukan dan diadakan.

Saya beralih balik kepada Fasal 8 tadi, supaya kakitangan ini nanti apabila ditugaskan supaya dapat menjalankan dengan betul sehingga wang-wang yang dikutip oleh pihak Kerajaan melalui Undang-undang Cukai ini dapat menampung perbelanjaan

yang besar, jangan kita membelanja sahaja sehinggakan wang pendapatan tidak mendapat apa-apa, hanya sedikit sahaja oleh kerana kelalaian mungkin akan berlaku, Kerajaan akan rugi, membelanjakan begitu sahaja wang, tetapi hasilnya tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik. Oleh itu, dalam masalah ini sekali lagilah saya ucapkan terima kasih di atas Rang Undang-undang ini, mudah-mudahan saya berdoa kepada Allah s.w.t supaya Undang-undang ini dapat berjalan dengan baik.

Tuan Yang Dipertua, saya dengan sukacitanya bersama-sama menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

Timbalan Yang Dipertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

5.56 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, di dalam menggulung pembentangan Rang Undang-undang ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan, pandangan serta pendapat mengenai Rang Undang-undang ini.

Saya rasa tidak ada apa-apa yang saya hendak ulaskan, cuma menyentuh sedikit sahaja tentang kemungkinan terdapat kesilapan tentang pembayaran cukai-cukai yang dimaksudkan.

Kalau kita lihat Fasal 30 (3) di situ terdapat:

“30 (3)... Ketua Pengarah boleh membenarkan cukai dibayar secara ansuran sebanyak amaun dan pada tarikh-tarikh sebagaimana ditetapkan olehnya.”

Di sini nyatalah bahawa cukai ini bukan sebenarnya untuk memberi kesusahan kepada mereka yang genuine, dengan izin, yang hendak menjual, tetapi kita hendak mengenakan ini kepada mereka yang mungkin mengambil

kesempatan tertentu, hendak membuat keuntungan-keuntungan yang berlampauan daripada penjualan dan pembelian hal tanah ataupun harta-harta yang berdasarkan tanah.

Mengenai penalti yang tidak cukup, yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah tadi, kita tengok dengan penalti ini beberapa kali kita dapati mereka melarikan cukai ataupun dihukum oleh sebab tidak mengikut undang-undang ini. Kalau sekiranya kita dapati ramai yang menyalahi oleh sebab penaltinya tidak cukup, barangkali kita bawa sekali lagi ke Dewan yang mulia ini untuk diluluskan dengan penalti-penalti yang lebih tinggi lagi supaya ia tidak dapat lari oleh sebab takut kepada penalti-penalti yang berat.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak ada apa-apa lagi dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 74 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ZON EKONOMI EKSKLUSIF

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.00 ptg.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta berhubungan dengan zon ekonomi eksklusif dan aspek-aspek tertentu mengenai pelantar benua Malaysia dan bagi membuat peruntukan mengenai pengawalseliaan aktiviti-aktiviti dalam zon dan pelantar benua dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Mesyuarat Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Undang-undang Laut (United Nations Law of the Sea Conference) telah bermula pada tahun 1973. Mesyuarat ini menentukan lebar lautan wilayah sejauh 12 batu nautika dan memberi perkenalan triti kepada konsep zon ekonomi eksklusif. Lebih daripada 160 negara telah mengambil bahagian dalam mesyuarat tersebut. Hasil daripada mesyuarat itu yang telah tamat pada tahun 1982, ialah Konvensyen Undang-undang Laut, 1982 yang telah ditandatangani oleh 134 negara, termasuk Malaysia. Pada 25hb April, 1980, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah membuat suatu perisytiharan menubuhkan zon ekonomi eksklusif Malaysia sebagai meluas sehingga 200 batu nautika dari garis asas atau garis tapak (base line) lautan wilayah Malaysia dan mengumumkan hak kedaulatan dan bidangkuasa Malaysia di dalam zon tersebut.

Pada bulan Disember 1982, Malaysia telah menandatangani Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Undang-undang Laut, yang telah saya sebut awal tadi. Konvensyen ini akan mula berkuatkuasa 12 bulan selepas 60 buah negara telah meratifikasikannya. Sehingga kini, 13 buah negara telah meratifikasikan Konvensyen itu. Pihak Malaysia sedang menjalankan kajian yang mendalam mengenai implikasi-implikasi dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan Konvensyen tersebut sebelum membuat apa-apa keputusan untuk meratifikasikannya.

Penggubalan Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini merupakan tindakan berikutan (follow-up action) yang perlu diambil untuk mengekalkan hasrat dan tujuan Malaysia terhadap zon ekonomi eksklusifnya. Rang Undang-undang ini menerangkan cara bagaimana sempadan zon tersebut hendak ditentukan dan memperuntukkan dengan teliti hak kedaulatan dan bidangkuasa Malaysia dalam zon ekonomi eksklusifnya.

Oleh kerana zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua Malaysia bertindih, dan ada beberapa perkara di kedua-dua kawasan itu yang bertindih, maka peruntukan-peruntukan yang tertentu dalam Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif terpakai juga bagi kawasan pelantar benua. Peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif yang terpakai bagi pelantar benua adalah sebagai tambahan kepada, dan bukan mengurangkan, mana-mana peruntukan Akta Pelantar Benua, 1966. Namun demikian, Akta Pelantar Benua akan disemak untuk menyelaraskan peruntukan-peruntukan dalam undang-undang itu dengan Konvensyen Undang-undang Laut yang sedang kita fikir untuk meratifikasikan itu.

Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Konvensyen Undang-undang Laut.

Fasal 3 Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif menetapkan zon ekonomi eksklusif Malaysia sebagai meluas sehingga 200 batu nautika daripada garisan asas yang darinya lebar lautan wilayah itu diukur, tetapi peruntukan dibuat juga untuk membolehkan Malaysia menetapkan dengan cara perjanjian soal-soal yang berhubung dengan persempadanan zon ekonomi eksklusif di antara Malaysia dan negeri-negeri dengan pantai yang bertentangan ataupun berdampingan.

Fasal 4 mengulangkan hak-hak kedaulatan dan bidangkuasa Malaysia di zon ekonomi eksklusif yang telah diisytiharkan pada bulan April, 1980 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Fasal 5 pula melarang perjalanan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perkara-perkara yang dinyatakan dalam Fasal 4 dalam zon itu atau pelantar benua, melainkan dibenarkan mengikut peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini atau undang-undang bertulis yang terpakai di kawasan itu.

Bahagian III Rang Undang-undang berhubung dengan perikanan pada amnya. Fasal 6 memperuntukkan bahawa laut-laut yang terkandung di dalam zon ekonomi eksklusif kita adalah sebahagian daripada perairan perikanan Malaysia. Fasal 7 memperuntukkan bahawa Menteri yang bertanggungjawab bagi perikanan bertanggungjawab juga bagi perikanan dalam zon ekonomi eksklusif. Selain daripada itu, perkara perikanan di zon tersebut tidak diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini, tetapi diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Perikanan yang dicadangkan akan dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi. Langkah ini diambil kerana adalah difikirkan lebih wajar, dari segi pentadbiran dan pelaksanaan, jika semua perkara perikanan, sama ada di zon ekonomi eksklusif ataupun di laut wilayah

Malaysia diperuntukkan dalam undang-undang yang sama, iaitu Rang Undang-undang Perikanan. Dengan meluaskan perkara perikanan Malaysia sehingga 200 batu nautika, adalah diharapkan bahawa perikanan di perairan berhampiran dengan Malaysia dapat dikawal dengan lebih berkesan lagi. Adalah juga harapan kita bahawa perusahaan perikanan akan bertambah maju.

Bagi melindungi dan memelihara alam sekitar laut di zon ekonomi eksklusif, Bahagian IV Rang Undang-undang mengandungi beberapa peruntukan menghalang sebarang pencemaran dilakukan di zon itu. Fasal 10 memperuntukkan bahawa jika apa-apa minyak, campuran berminyak atau pencemar dilepaskan ke dalam zon ekonomi eksklusif dari mana-mana sumber pun, ini adalah suatu kesalahan di bawah undang-undang dan orang-orang yang tertentu boleh dipertanggungjawabkan di sisi undang-undang bagi kesalahan itu. Orang-orang yang tertentu itu, termasuk pemunya atau nakhoda kapal atau 'vessel', pemunya atau penghuni tempat atas tanah, pemunya atau orang yang bertanggungjawab mengenai sesuatu pemasangan atau alat, dan pemunya atau juruterbang pesawat udara. Denda maksima yang boleh dikenakan bagi kesalahan ini ialah \$1 juta.

Fasal 14 Rang Undang-undang memberi Ketua Pengarah Alam Sekitar kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan untuk memindahkan, menyelerakkan, memusnahkan atau memperbaiki kerosakan atau ancaman kerosakan, akibat kelepasan bahan-bahan pencemar di zon ekonomi eksklusif. Adalah diperuntukkan di bawah Sub-fasal (3) Fasal 14 bahawa segala kos dan perbelanjaan yang dikenakan dalam menjalankan kerja-kerja yang tertentu di bawah Fasal ini adalah tanggungan orang-orang yang tertentu seperti disenaraikan di bawah Fasal 10.

Kuasa Ketua Pengarah Alam Sekitar dalam kejadian pencemaran di zon ekonomi eksklusif adalah termasuk kuasa di bawah Fasal 15 bagi menahan apa-apa kapal atau 'vessel' dari mana minyak, campuran berminyak atau pencemar telah dilepaskan.

Fasal 13 Rang Undang-undang memberi kuasa kepada Kerajaan untuk mengambil sebarang langkah bagi melindungi garis pantai Malaysia serta kepentingan-kepentingan yang berkaitan dengannya apabila terjadi pencemaran berikutan daripada bencana laut di zon ekonomi eksklusif.

Berkenaan dengan penyelidikan saintifik laut, Bahagian V Rang Undang-undang memperuntukkan bahawa sesuatu penyelidikan hanya boleh dijalankan dengan persetujuan Kerajaan dan mengikut syarat-syarat yang tertentu. Dalam perkara ini, Konvensyen Undang-undang Laut menggambarkan kehendak negara-negara bagi meningkatkan kelengkapan diri dari segi ekonomi melalui pengetahuan dan kecekapan saintifik.

Di bawah Fasal 18 dan 19, adalah menjadi kewajipan negara-negara atau badan-badan antarabangsa yang menjalankan penyelidikan saintifik laut di zon ekonomi eksklusif untuk membekalkan maklumat yang tertentu tentang projek-projek mereka dan juga laporan-laporan dan keputusan-keputusan yang dicapai. Untuk menggalakkan pindahtukang pengetahuan dan teknologi kepada pihak Malaysia, penyertaan atau perwakilan pihak Malaysia dalam apa-apa projek penyelidikan saintifik laut juga diperuntukkan. Kerajaan juga diberi kuasa untuk menggantung atau memberhentikan apa-apa aktiviti penyelidikan laut di mana-mana syarat yang dinyatakan dalam Fasal 20 tidak dipatuhi atau tidak ditunaikan.

Bahagian VI Rang Undang-undang pula, menghalang pembinaan, pengendalian atau penggunaan pulau-pulau buatan, pemasangan-pemasangan

Pada bulan Disember 1982, Malaysia telah menandatangani Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Undang-undang Laut, yang telah saya sebut awal tadi. Konvensyen ini akan mula berkuatkuasa 12 bulan selepas 60 buah negara telah meratifikasikannya. Sehingga kini, 13 buah negara telah meratifikasikan Konvensyen itu. Pihak Malaysia sedang menjalankan kajian yang mendalam mengenai implikasi-implikasi dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan Konvensyen tersebut sebelum membuat apa-apa keputusan untuk meratifikasikannya.

Penggubalan Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini merupakan tindakan berikutan (follow-up action) yang perlu diambil untuk mengekalkan hasrat dan tujuan Malaysia terhadap zon ekonomi eksklusifnya. Rang Undang-undang ini menerangkan cara bagaimana sempadan zon tersebut hendak ditentukan dan memperuntukkan dengan teliti hak kedaulatan dan bidangkuasa Malaysia dalam zon ekonomi eksklusifnya.

Oleh kerana zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua Malaysia bertindih, dan ada beberapa perkara di kedua-dua kawasan itu yang bertindih, maka peruntukan-peruntukan yang tertentu dalam Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif terpakai juga bagi kawasan pelantar benua. Peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif yang terpakai bagi pelantar benua adalah sebagai tambahan kepada, dan bukan mengurangkan, mana-mana peruntukan Akta Pelantar Benua, 1966. Namun demikian, Akta Pelantar Benua akan disemak untuk menyelaraskan peruntukan-peruntukan dalam undang-undang itu dengan Konvensyen Undang-undang Laut yang sedang kita fikir untuk meratifikasikan itu.

Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Konvensyen Undang-undang Laut.

Fasal 3 Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif menetapkan zon ekonomi eksklusif Malaysia sebagai meluas sehingga 200 batu nautika daripada garisan asas yang darinya lebar lautan wilayah itu diukur, tetapi peruntukan dibuat juga untuk membolehkan Malaysia menetapkan dengan cara perjanjian soal-soal yang berhubung dengan persempadanan zon ekonomi eksklusif di antara Malaysia dan negeri-negeri dengan pantai yang bertentangan ataupun berdampingan.

Fasal 4 mengulangkan hak-hak kedaulatan dan bidangkuasa Malaysia di zon ekonomi eksklusif yang telah diisytiharkan pada bulan April, 1980 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Fasal 5 pula melarang perjalanan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perkara-perkara yang dinyatakan dalam Fasal 4 dalam zon itu atau pelantar benua, melainkan dibenarkan mengikut peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini atau undang-undang bertulis yang terpakai di kawasan itu.

Bahagian III Rang Undang-undang berhubung dengan perikanan pada amnya. Fasal 6 memperuntukkan bahawa laut-laut yang terkandung di dalam zon ekonomi eksklusif kita adalah sebahagian daripada perairan perikanan Malaysia. Fasal 7 memperuntukkan bahawa Menteri yang bertanggungjawab bagi perikanan bertanggungjawab juga bagi perikanan dalam zon ekonomi eksklusif. Selain daripada itu, perkara perikanan di zon tersebut tidak diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini, tetapi diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Perikanan yang dicadang akan dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi. Langkah ini diambil kerana adalah difikirkan lebih wajar, dari segi pentadbiran dan pelaksanaan, jika semua perkara perikanan, sama ada di zon ekonomi eksklusif ataupun di laut wilayah

Malaysia diperuntukkan dalam undang-undang yang sama, iaitu Rang Undang-undang Perikanan. Dengan meluaskan perkara perikanan Malaysia sehingga 200 batu nautika, adalah diharapkan bahawa perikanan di perairan berhampiran dengan Malaysia dapat dikawal dengan lebih berkesan lagi. Adalah juga harapan kita bahawa perusahaan perikanan akan bertambah maju.

Bagi melindungi dan memelihara alam sekitar laut di zon ekonomi eksklusif, Bahagian IV Rang Undang-undang mengandungi beberapa peruntukan menghalang sebarang pencemaran dilakukan di zon itu. Fasal 10 memperuntukkan bahawa jika apa-apa minyak, campuran berminyak atau pencemar dilepaskan ke dalam zon ekonomi eksklusif dari mana-mana sumber pun, ini adalah suatu kesalahan di bawah undang-undang dan orang-orang yang tertentu boleh dipertanggungjawabkan di sisi undang-undang bagi kesalahan itu. Orang-orang yang tertentu itu, termasuk pemunya atau nakhoda kapal atau 'vessel', pemunya atau penghuni tempat atas tanah, pemunya atau orang yang bertanggungjawab mengenai sesuatu pemasangan atau alat, dan pemunya atau juruterbang pesawat udara. Denda maksima yang boleh dikenakan bagi kesalahan ini ialah \$1 juta.

Fasal 14 Rang Undang-undang memberi Ketua Pengarah Alam Sekitar kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan untuk memindahkan, menyelerakkan, memusnahkan atau memperbaiki kerosakan atau ancaman kerosakan, akibat kelepasan bahan-bahan pencemar di zon ekonomi eksklusif. Adalah diperuntukkan di bawah Sub-fasal (3) Fasal 14 bahawa segala kos dan perbelanjaan yang dikenakan dalam menjalankan kerja-kerja yang tertentu di bawah Fasal ini adalah tanggungan orang-orang yang tertentu seperti disenaraikan di bawah Fasal 10.

Kuasa Ketua Pengarah Alam Sekitar dalam kejadian pencemaran di zon ekonomi eksklusif adalah termasuk kuasa di bawah Fasal 15 bagi menahan apa-apa kapal atau 'vessel' dari mana minyak, campuran berminyak atau pencemar telah dilepaskan.

Fasal 13 Rang Undang-undang memberi kuasa kepada Kerajaan untuk mengambil sebarang langkah bagi melindungi garis pantai Malaysia serta kepentingan-kepentingan yang berkaitan dengannya apabila terjadi pencemaran berikutan daripada bencana laut di zon ekonomi eksklusif.

Berkenaan dengan penyelidikan saintifik laut, Bahagian V Rang Undang-undang memperuntukkan bahawa sesuatu penyelidikan hanya boleh dijalankan dengan persetujuan Kerajaan dan mengikut syarat-syarat yang tertentu. Dalam perkara ini, Konvensyen Undang-undang Laut menggambarkan kehendak negara-negara bagi meningkatkan kelengkapan diri dari segi ekonomi melalui pengetahuan dan kecekapan saintifik.

Di bawah Fasal 18 dan 19, adalah menjadi kewajipan negara-negara atau badan-badan antarabangsa yang menjalankan penyelidikan saintifik laut di zon ekonomi eksklusif untuk membekalkan maklumat yang tertentu tentang projek-projek mereka dan juga laporan-laporan dan keputusan-keputusan yang dicapai. Untuk menggalakkan pindahmilik pengetahuan dan teknologi kepada pihak Malaysia, penyertaan atau perwakilan pihak Malaysia dalam apa-apa projek penyelidikan saintifik laut juga diperuntukkan. Kerajaan juga diberi kuasa untuk menggantung atau memberhentikan apa-apa aktiviti penyelidikan laut di mana-mana syarat yang dinyatakan dalam Fasal 20 tidak dipatuhi atau tidak ditunaikan.

Bahagian VI Rang Undang-undang pula, menghalang pembinaan, pengendalian atau penggunaan pulau-pulau buatan, pemasangan-pemasangan

sejak zaman berzaman. Perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan tidak dapat dielak daripada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang Dipertua, satu masalah yang menghairankan saya ialah bagaimana kapal-kapal tentera asing boleh melalui atau boleh belayar di perairan kita dengan bebas. Ini kapal-kapal yang belayar di atas air, saya merasakan satu kecurigaan bagaimana dengan kapal-kapal selam yang kita tidak tahu entah berapa banyak yang telah belayar berulang alik di dalam perairan kita. Kita mendengar berita perairan di kawasan Teluk bagaimana periuk api dipasang menjadi ancaman kepada kapal-kapal yang belayar maka saya khuatir satu masa perairan kita akan menjadi keadaan seperti yang berlaku di Teluk. Tetapi insya Allah Tuan Yang Dipertua, dengan adanya Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif tahun 1984 ini kita akan dapat mengawal keselamatan perairan kita dari terus digunakan dan dicerobohi. Apa akan jadi kalau Selat Melaka dilabuhkan atau ditanam dengan periuk-periuk api di satu masa yang akan datang dan ini tentu akan mendatangkan korban yang banyak.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kerajaan benarkah pada tahun 1982, perairan kita telah dilalui oleh 38 kali pelayaran kapal angkatan tentera asing daripada Rusia dan Amerika dan pada tahun 1983 pula, mereka telah belayar di perairan kita sebanyak 75 kali, ertinya ada 6 pelayaran dalam sebulan, hitung panjang ada setiap sebuah kapal belayar di dalam setiap minggu di perairan kita. Adakah dari jumlah ini atau daripada jumlah pelayaran-pelayaran yang telah mereka lakukan itu, mereka ada mendapat kebenaran daripada Kerajaan kita.

Kalau mereka tidak mendapat kebenaran ertinya mereka telah mencero boh, kalau mereka mencero boh

apakah tindakan yang telah Kerajaan ambil. Saya faham ada satu kuasa yang memberi kebenaran di dalam satu-satu masa yang munasabah kepada sesebuah kapal atau satu-satu pelayaran melalui laut kita iaitu daripada pelayaran kapal-kapal perang asing ini melalui laut kita dinamakan hak laluan transit, tetapi kalau setiap minggu lalu apakah ini dikatakan laluan di dalam masa yang munasabah bagi sesebuah kapal angkatan perang. Ini bukan menggunakan hak laluan transit namanya. Jadi walau bagaimanapun dalam hal ini saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, hak laluan transit ini patutlah Kerajaan kita mengambil perhatian yang berat kerana jika benar kejadian laluan kapal angkatan perang antara dua kuasa besar itu saya khuatir nanti akhirnya gajah sama gajah yang berperang kita negara kecil akan menjadi pelanduk yang mati tersepit.

Tuan Yang Dipertua, satu perkara lagi ingin saya sentuh di dalam Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini ialah mengenai keselamatan nelayan-nelayan kita, keselamatan ikan-ikan kita daripada dicerobohi oleh lanun-lanun dan orang-orang jahat. Kejadian-kejadian pencero boh di laut atau lanun-lanun di kawasan perairan kita bukan sahaja berlaku di kawasan yang luas malahan berlaku di kawasan perairan Selat Melaka yang hanya 12 batu nautika. Perairan pantai barat Semenanjung kerap kali berlaku kejadian-kejadian rompak lari, telah merompak mereka lari, kemudian satu kejadian lagi iaitu rompak bawa lari, setelah mereka merompak dibawa lari nelayan kita, dibawa lari bot nelayan kita, dibawa lari pukut nelayan kita, dibawa lari harta yang ada pada nelayan kita.

Satu kejadian lagi yang dikatakan rompak pukul, setelah mereka rompak mereka pukul nelayan-nelayan kita dan

berharap kepada Kerajaan supaya dalam Fasal 2 Bahagian 3 di dalam memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan kita daripada diceroboh, daripada dilanun daripada diugut oleh nelayan-nelayan asing supaya dapat dilaksanakan lebih tegas dan lebih berkesan serta lebih menyeluruh.

Tuan Yang Dipertua, mengenai dengan kesalahan-kesalahan kepada mereka yang berlayar sehingga melakukan tumpahan minyak sama ada di kawasan kita atau daripada kawasan sebelah negara jiran kerana sempitnya Selat Melaka, perairan kita terjejas dan ini ada baiknya jika Kerajaan merundingkan semula dengan jiran kita di peringkat antarabangsa untuk kuasa "kejarburu" di Selat Melaka. Sehingga kejarburu ini maknanya memburu lanun yang menceroboh atau orang yang menceroboh perairan kita, kita adakan satu Fasal Kejar Buru. Jadi, kejar buru ini apabila sampai kawasan peringkat antarabangsa, kita sudah tidak boleh kejar lagi, sebab dia sudah masuk ke kawasan orang lain. Jadi, sepatutnya Kerajaan kita mengadakan perundingan supaya di dalam kita mengejar buru atau dalam istilah yang digunakan di dalam pembentangan ini tadi dibuat mengejar buru kita dibolehkan mengejar buru mereka yang melakukan pencemaran di Selat Melaka ini sehingga kita dapat bekerjasama dengan jiran, supaya dapat kita menangkap siapa yang melakukan pencemaran.

Juga, Tuan Yang Dipertua, perlu diingat, adakah kita Malaysia telah mencukupi atau mempunyai kepakaran dan kelengkapan yang cukup menghadapi kemungkinan-kemungkinan berlakunya tumpahan minyak mentah dan lain-lain pencemaran laut. Kerana kalau berlaku pencemaran laut, bukan sahaja mendatangkan kerugian yang besar dan teruk tetapi akibatnya kita akan menerima kerosakan laut dan pantai kita yang semulajadi. Dari kerosakan laut semulajadi, pantai semulajadi, kita akan

menerima akibat berbulan-bulan dan bertahun-tahun untuk membiakkan semula karangan-karangan laut kita daripada sumber-sumber hidupan laut kita. Jadi, adakah dengan denda \$1 juta yang diperuntukan di dalam undang-undang ini sebagai gantirugi untuk memperbaiki semula kerosakan-kerosakan kepada alam laut pantai kita yang dijadikan oleh Allah s.w.t. dengan denda \$1 juta itu memadai? Untuk hendak memperbaiki pantai kita, lautan kita daripada pencemaran yang dilakukan sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja dan pencemaran ini akan berlaku sepanjang masa, maka saya rasa dengan \$1 juta ini sepatutnya pihak Kerajaan menimbangkan semula.

Tuan Yang Dipertua, setelah kita mengikuti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sewaktu membentangkan Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini maka mengenai dengan pulau-pulau yang ada di perairan kita. Pulau-pulau yang ada di perairan Malaysia ini, banyak. Ada yang besar, ada yang kecil, ada yang berpenghuni, ada yang lengang menjadi tempat persinggahan semata-mata dan mungkin ada di antara pulau-pulau itu yang menjadi tempat persinggahan lanun-lanun pula. Sama ada kita sedar atau tidak sedar, kejadian itu mungkin berlaku. Ada pulau-pulau kita yang menjadi tempat persembunyian anasir-anasir subversif, mungkin tempat penyeludup-penyeludup. Dan juga memandangkan kepada kegiatan-kegiatan penggerudian dan pengeluaran minyak di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif ini yang sedang bertambah lebih-lebih lagi dalam usaha-usaha ini melibatkan ramai warganegara asing atau warganegara luar berada di tempat-tempat penggerudian ini di pelantar benua kita. Begitu juga di dalam usaha-usaha pemasangan kabel-kabel di dasar laut ataupun talian di dasar laut juga, saya tahu banyak melibatkan warganegara asing sama ada yang bekerja secara kontrak ataupun pinjaman, maka Kerajaan hendaklah mengawasi

nelayan kita terapung-apung beberapa hari di laut dan satu kejadian lagi ialah rompak bunuh dan satu kejadian lagi rompak ugut iaitu mereka hanya mengugut dengan secara ugutan bersenjata supaya nelayan-nelayan kita yang diugut tadi balik ke tanah besar untuk mencari wang tebusan atau sebahagian daripadanya kalau nelayan kita berkongsi lima, enam orang dalam satu bot, tiga orang ditahan sama ada di laut atau dibawa ke daratan negara mereka, yang dua, tiga orang tadi disuruh balik untuk mencari wang tebusan.

Kejadian-kejadian seperti ini, Tuan Yang Dipertua, sudah kerap kali berlaku kepada nelayan-nelayan kecil kita di perairan Selat Melaka yang hanya 12 batu nautika. Sama ada kejadian-kejadian ini dilaporkan atau tidak tetapi daripada sumber-sumber nelayan yang saya biasa bergaul dengan mereka terutama di Tanjong Sepat, Kuala Selangor, Sungai Buluh, Pulau Ketam, Pulau Lumut, Port Dickson, di Kuala Sungai Baru, di Batu Pahat, di Pontian dan di Muar kejadian ini kerap berlaku. Sungguhpun kita berterima kasih kepada pasukan keselamatan kita daripada Polis Laut, Polis Merin yang sentiasa mengadakan rondaan-rondaan dan mengadakan tanda-tanda isyarat kecemasan dibekalkan alat-alat kecemasan kepada nelayan-nelayan kita, namun kejadian-kejadian buruk di laut seperti yang saya sebutkan tadi terus berlaku dan memakan korban bukan sahaja harta benda malahan nyawa kepada nelayan kita. Sehingga masa saya bercakap ini masih ada lagi nelayan kita yang ditahan untuk mendapat tebusan, Tuan Yang Dipertua. Ini kerana keadaan laut yang agak bergelora, jadi menjadi alasan kepada mereka-mereka barangkali supaya tebusan ini tidak akan mudah dapat menemui kawannya dan untuk membayar tebusan.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan kita memberi bantuan subsidi kepada nelayan kita, subsidi jaring, bot, pukot, enjin,

tetapi ini telah menjadi mangsa, dirampas oleh orang-orang jahat, oleh lanun yang mengadakan rompak lari, rompak ugut, rompak bunuh dan sebagainya.

Saya percaya Kerajaan kita akan sentiasa mencari jalan untuk melindungi nelayan-nelayan kita yang berpendapatan kecil ini. Oleh hal yang demikian, Tuan Yang Dipertua, saya berharap dengan adanya Undang-undang ZEE ini, keadaan nelayan-nelayan kita yang mencari rezeki di laut akan terjamin dan usaha-usaha Jabatan Perikanan kita mengadakan terumbu-terumbu ikan daripada tayar-tayar buruk yang ditanam, yang dimasukkan ke perut laut daripada gok-gok simen telah dimasukkan ke dalam perut laut untuk menjadi tempat hidupan-hidupan laut membiak untuk menjadi sumber rezeki kepada nelayan juga seterusnya menjadi sumber rezeki kepada rakyat dan negara akan terjamin dan selamat. Semoga sebahagian daripada Akta ZEE ini akan meliputi keadaan-keadaan yang seperti itu.

Tuan Yang Dipertua, serangan-serangan lanun di laut Selatan Sabah juga mengeciwakan kita, sungguhpun kita sentiasa mengadakan cara berbaik-baik sangka dengan jiran-jiran kita di dalam ASEAN. Apakah kejadian-kejadian buruk ini akan terus berleluasa. Saya berharap semoga Akta ZEE ini akan dapat mengatasi sebanyak sedikit kejadian-kejadian merompak, melanun, merosakkan terumbu-terumbu ikan kita. Semoga akan berkuranganlah tangisan anak-anak nelayan kerdil yang menunggu kepulungan ayahnya dari laut dan akan berkuranganlah kesedihan isteri-isteri nelayan kerdil yang menunggu kepulungan suaminya dari laut untuk membawa rezeki untuk sesuap pagi dan sesuap petang.

Tuan Yang Dipertua, ZEE yang akan diwartakan ini akan merangkumi kuasa seluas atau sejauh 200 batu nautika daripada garis asas. Saya berpendapat, Tuan Yang Dipertua, cara pengiraan daripada garis asas ini nanti akan

bertindih dengan negara-negara jiran yang dekat dengan kita yang mempunyai kawasan perairan yang terlalu sempit seperti di Indonesia dan di Singapura dan juga Brunei. Maka dalam keadaan ini, saya yakin negara kita akan sentiasa mematuhi peruntukan-peruntukan di dalam perjanjian-perjanjian yang telah ditetapkan dengan negara-negara yang tersebut tadi dan saya berharap semoga kebijaksanaan pemimpin-pemimpin negara kita akan mencari jalan selamat supaya tidak akan menimbulkan krisis mengenai dengan kawasan ZEE dengan negara-negara jiran yang terlalu hampir kawasan perairannya dengan kita iaitu seperti Indonesia, Singapura dan Brunei.

Tuan Yang Dipertua, Akta ZEE ini nanti bagi kita Malaysia ialah supaya dengan adanya Akta ini Kerajaan akan dapat menjaga hak-hak kita di dalam kawasan 200 batu nautika. Dengan kata-kata lain Rang Undang-undang ini akan dapat mencegah, akan dapat melarang dan akan dapat mengawal sesiapaupun tanpa kebenaran daripada menyalahgunakan apa-apa sumber alam di dalam perairan kita menjalankan secara haram kerja-kerja penggalan atau pengerudian dan menjalankan apa-apa penyelidikan saintifik laut di dalam kawasan ZEE ini.

Tuan Yang Dipertua, juga di dalam Akta ZEE ini sepatutnya ada satu bahagian yang sepatutnya merangkumi khazanah-khazanah lama yang ada di dalam perairan kita seperti yang pernah kita bahaskan di dalam Dewan yang mulia ini mengenai dengan khazanah lama daripada kapal-kapal lama yang tenggelam dan tersadai di perut laut kita, kerana kekayaan laut kita juga, kekayaan laut kita ini telah bermula sejak kapal berlayar menggunakan kapal layar daripada zaman purba sehinggalah kepada zaman kemajuan sekarang ini. Tetapi bila kedapatan khazanah yang dijumpai di dasar laut kita seperti yang berada di perairan laut Mersing, kita tidak berhak di atasnya.

Kita tidak berhak kepada khazanah yang ada di dalam kapal yang tenggelam beratus tahun dahulu. Kemungkinan banyak lagi kapal-kapal yang di dalamnya mengandungi khazanah-khazanah berharga yang tersadai di pelabuhan-pelabuhan kita di zaman dahulu. Jadi saya berharap Akta ZEE ini dapat merangkumi hal ini. Juga di dalam Akta ini nanti kita akan memerlukan belanja atau wang negara untuk melaksanakan supaya undang-undang ini dijalankan dengan lancar untuk kepentingan negara dan rakyat.

Tuan Yang Dipertua, semoga di dalam kawasan laut lepas sehingga 200 batu nautika, saya berharap tidak akan berlaku sesuatu yang menyedihkan dan merugikan, kerana kalau di tengah-tengah pusat bandar yang manusia begitu ramai, manusia tidak tidur 24 jam, boleh berlaku sesuatu yang merugikan kepada negara dan rakyat serta perbendaharaan negara, maka saya khuatir dan kita berharap supaya tidak akan berlaku penyelewengan terhadap harta negara, harta Kerajaan atau tegasnya tidak akan berlaku rasuah di dalam melaksanakan Akta ZEE ini kepada pihak-pihak pelaksanaan kita yang akan berada di kawasan perairan keselamatan mereka. Dan kita berharap dan kita berdoa kepada Allah s.w.t. kepada tenaga-tenaga keselamatan kita yang menjaga kawasan 200 batu nautika ini akan terselamat daripada ancaman-ancaman seperti yang berlaku kepada nelayan-nelayan kita. Apa lagi ancaman-ancaman yang boleh, yang tidak akan menjamin keselamatan nyawa mereka jika sekiranya apa yang saya katakan tadi laluan kapal-kapal perang daripada dua kuasa besar menggunakan perairan kita. Ini nanti akan melibatkan dan mungkin akan terlibat kepada nyawa rakyat kita yang memberi khidmat kepada negara untuk menjaga kedaulatan perairan kita.

Tuan Yang Dipertua, di dalam membahaskan Akta ZEE ini, saya

keselamatan, mengawasi hal keselamatan ini supaya kesopanan, kesihatan dan terutama sekali dari segi imigresen kita akan dapat dikawal dengan sebaiknya. Kita tidak mahu ada sebutan dengan izin Tuan Yang Dipertua, illegal immigrants terus berpanjangan dan menjolok mata kerana adanya pulau-pulau yang ada di perairan kita, pulau kecil dan besar tadi, berlaku keadaan yang seperti ini. Kita tidak mahu ada orang-orang yang menyebut bahawa kemasukan pendatang haram itu dari mana sahaja kerana adanya satu-satu kumpulan yang mengatur kemasukan pendatang haram ini dari mana sahaja tempat persinggahannya ialah di pulau-pulau yang berhampiran atau di pulau-pulau yang ada di perairan kita.

Tuan Yang Dipertua, sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun dan sebagai sebuah Kerajaan yang kuat dan teguh dan yang paling lama Kerajaan kita ini memerintah di dunia maka rekod ini patut kita pertahankan selama-lamanya. Jadi, dengan adanya Akta Zon Ekonomi Eksklusif ini semoga Malaysia akan bertambah kaya dan makmur. Rakyatnya hidup dalam harmoni dan bersatu padu. Inilah harapan kita hendak kita wariskan kepada jenerasi yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, dengan kata-kata ini, saya dengan sesungguhnya menyokong pembentangan Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini untuk diluluskan.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Jaafar bin Harun.

6.46 ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun memohon izin bercakap sepetah dua mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang bernama Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana penjelasan Menteri kita iaitu semenjak pengisytiharan penubuhan ZEE 1980 bulan April dan semenjak negara kita Malaysia bersama-sama menandatangani Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang laut tahun 1982 maka kita belum merangka satu undang-undang lagi bagi keselamatan faedah kita sendiri. Jadi, dengan pembentangan Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini oleh Menteri kita pada hari ini, saya rasa memanglah telah sewajarnya dibuat dan kita berikan sokongan penuh.

Tuan Yang Dipertua, mengikut peraturan antarabangsa yang telah dibuat, kawasan sejauh 200 batu notika ke tengah laut daripada pantai kita Malaysia ini telah nyata kawasan itu menjadi milik, hak kepunyaan kita sendiri. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sewajarnya diberi kuasa bertanggungjawab untuk mengawal dan mengambil tindakan kepada sesiapa yang melakukan kesalahan-kesalahan bagi pencemaran laut kita di sekeliling Semenanjung Malaysia ini termasuk juga Sabah dan Sarawak. Oleh itu di dalam Rang Undang-undang ini telah dinyatakan iaitu mereka yang bertanggungjawab melakukan pencemaran-pencemaran laut kita sama ada sebarang tumpahan minyak oleh kapal-kapal laut atau kapal terbang atau lain-lain sebab musabab maka mereka yang ada kaitan dengannya itu akan didenda maksimumnya sebanyak \$1 juta.

Di sini Tuan Yang Dipertua, saya memberikan sedikit pandangan, denda sebanyak maksima \$1 juta itu pada pendapat saya juga — saya kurang faham denda \$1 juta itu sama ada terus ditetapkan ataupun mungkin dikurangkan. Kalaupun dikurangkan bayarannya, saya rasa, bayaran denda \$1 juta itu rendah kerana katalah tumpahan minyak di lautan kita ini walaupun kata orang itu minyak dengan

air tidak bercampur tetapi tidak dapat dipisahkan dan itu adalah pencampuran yang tidak dapat kita baiki dengan serta merta kerana minyak ini akan mengalir di atas permukaan air laut ke merata-rata tempat. Jadi, ikan-ikan dan hasil-hasil lautan di tempat itu akan mati yang mana sudah tentu mendatangkan kerugian yang besar bukan sahaja kepada negara kita tetapi juga kepada nelayan-nelayan kita yang bergantung hidupnya dengan menangkap ikan di laut.

Berapa lamakah mereka itu akan menjadi penganggur ataupun berapa banyakkah ikan-ikan yang mati dan hasil lautan kita yang tidak dapat dijadikan sumber kewangan tentulah kita tidak ketahui. Kerana dalam masa pertumpahan minyak di lautan ini yang telah merebak ke merata-rata tempat atau kapal-kapal laut yang tersadai atau tenggelam ataupun kapalterbang-kapalterbang terjatuh dan sebagainya, Kerajaan kita terpaksa mengambil tindakan untuk membersihkan dengan apa cara pun sama ada memusnahkan atau mengalihkan atau menenggelamkan dan sebagainya dengan memakan belanja yang banyak juga. Dan dengan penumpahan minyak di laut itu, tentulah keselamatan kepada rakyat, terutama sekali kepada nelayan-nelayan juga ataupun mereka yang tinggal berhampiran di laut juga akan terancam dan membahaya.

Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, saya suka mengesyorkan bayaran denda sebanyak \$1 juta itu hendaklah kita kaji semula dan kita naikkan mungkin kepada \$2 juta. Kerana jikalau terjadi sesuatu peristiwa seperti yang saya sebutkan tadi dari dalam perbincangan-perbincangan misalnya, mereka yang terlibat mungkin merayu lagi untuk dikurangkan. Jika dikurangkan dendanya saya fikir Kerajaan kita tentu dapat juga sekurang-kurangnya \$1 juta lebih.

Tuan Yang Dipertua, semenjak daripada tahun 1980 pengisytiharan Zon

Ekonomi Eksklusif iaitu sejauh 200 batu ke tengah lautan ini daripada pantai kita Malaysia yang kita punyai, saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan sumber-sumber ekonomi yang telah kita didapati. Pertama, semenjak daripada tahun 1980 berapa tempatkah yang telah dijumpai oleh Kerajaan kita dalam usaha carigali minyak di tengah laut dan di mana-manakah tempat yang kita dapati itu. Adakah telah kita teruskan perusahaan carigali ini kerana ini adalah satu sumber ekonomi negara kita yang amat menggalakkan.

Sehubungan dengan itu juga, adakah kita teruskan usaha lagi carigali minyak ke tengah lautan dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif, jika usaha ini terhenti maka saya berharap supaya Kerajaan kita meneruskan lagi usaha carigali minyak ini kerana ini adalah hasil negara kita.

Yang kedua, Tuan Yang Dipertua, selain daripada usaha carigali minyak ini, adakah Kerajaan kita menjalankan siasatan pula untuk mendapatkan hasil-hasil yang ada tersembunyi di dasar-dasar laut, seumpama mutiara dan barangan-barang yang berharga sebagai tambahan hasil negara kita. Jikalau belum saya fikir Kerajaan hendaklah memulakan ataupun meneruskan usaha ini kerana ini juga hasil kekayaan negara kita yang belum lagi dapat kita dapati dengan banyaknya.

Tuan Yang Dipertua, ini juga adalah satu perkara yang penting iaitu berkaitan dengan keselamatan. Walaupun Kerajaan kita telah sedia dengan angkatan tentera laut dan pasukan polis kita tetapi saya suka juga menegaskan lagi iaitu Kerajaan kita hendaklah mengetatkan lagi kawalan keselamatan Zon Ekonomi Eksklusif kita ini supaya tidak dicerobohi oleh musuh negara kita ataupun penceroboh-penceroboh perairan negara kita oleh nelayan-nelayan asing. Jadi, keperluan untuk melengkapkan dengan alat-alat kawalan dan keselamatan yang moden dan terperinci dan terpengaruh bagi sepanjang masa adalah kita kehendaki.

Sebagai contoh, Tuan Yang Dipertua, dalam masa persidangan Dewan Rakyat yang lalu, yang dimulai pada 8hb Oktober yang lalu terdapat pencerobohan nelayan-nelayan asing 20 buah bot pukot perairan Trengganu berhampiran dengan Pantai Kerteh dan Kemasek kira-kira 80 batu di perairan kita dan ada pula yang lebih hampir kira-kira 3 batu daripada pantai, ini memang jelas telah menceroboh perairan kita.

Yang akhirnya, Tuan Yang Dipertua, Kerajaan juga hendaklah menyasat dan mencari pulau-pulau yang termasuk dalam zon perairan kita ini sebagai tempat yang strategik bagi kawasan pembangunan-pembangunan ekonomi seperti mewujudkan tempat-tempat pelancungan misalnya atau perusahaan-perusahaan atau membina bandar-bandar, tempat kediaman dan lain-lain yang boleh mendatangkan hasil kekayaan kita Malaysia ini.

Tuan Yang Dipertua, hanya sekian dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

6.58 ptg.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang Dipertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984 yang bertujuan membuat peruntukan mengenai Zon Ekonomi Eksklusif dan aspek-aspek tertentu pelantar benua Malaysia dan membuat peruntukan mengenai pengawalseliaan, aktiviti-aktiviti dalam zon dan pelantar benua dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Rang Undang-undang ini dibentangkan tepat pada masanya dan boleh dikatakan satu langkah yang ke arah jalan yang betul kerana Malaysia adalah salah sebuah negara yang menandatangani Convensyen Bangsa-bangsa Bersatu atas undang-undang laut pada tahun 1982. Ini jelas menunjukkan Malaysia akan terus berpegang kepada prinsip-prinsip serta

menghormati peraturan-peraturan Bangsa-bangsa Bersatu yang berusaha melihat sebuah dunia yang aman dan bersatu padu.

Tuan Yang Dipertua, walaupun saya menyokong penuh Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984 ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini ke atas beberapa perkara yang mungkin menjejaskan pelaksanaan undang-undang ini dengan sepenuhnya. Saya berpendapat denda dan penalty yang dicadangkan bagi kesalahan-kesalahan tertentu di bawah Rang Undang-undang ini adalah tidak mencukupi. Denda dan penalty tidak melebihi \$1 juta ini tidak akan menghalang kapal-kapal besar dari syarikat-syarikat general mencemarkan lautan Malaysia ini.

Malaysia telah mengalami sekurang-kurangnya dua peristiwa pahit di mana lautan Malaysia dicemarkan dengan minyaknya lalu menguturkan pantai-pantai Malaysia dan menyusahkan nelayan-nelayan di negara ini. Dalam kedua-dua peristiwa pahit ini tuan punya kapal dari Jepun tidak mengambil berat tentang kesusahan dan kesengsaraan yang dialami oleh penduduk Malaysia, mereka take for granted. Mereka sanggup membayar pampasan tetapi pampasan itu adalah amat kecil jika dibandingkan dengan kesusahan dan kerugian yang dialami oleh rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, saya berpendapat penalty, denda dan pampasan sahaja tidak mencukupi. Kerajaan hendaklah mengkaji kemungkinan merampas secara mandatory, benda vessel dan barang-barang vessel yang didapati melakukan sebarang kesalahan di bawah Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, adakah hendak menamatkan ucapan atau hendak menyambung lagi ucapan?

Tuan K. Kumaran: Saya hendak sambung lagi pada hari Isnin.

Tuan Yang Dipertua: Masanya sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari Isnin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 17hb Disember, 1984.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.